

HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI (EQ) DENGAN MINAT MEMBACA
DALAM KALANGAN PELAJAR

MOHD BAHARUDDIN BIN HAJI MOHAMAD ZIN

PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

KOLEJ SASTERA DAN SAINS
BAHAGIAN PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
SINTOK

2010



**Bidang Pengajian Pendidikan
UUM College of Arts and Sciences
(Universiti Utara Malaysia)**

**PERAKUAN PROJEK SARJANA
(Certification of Masters Project)**

Saya yang bertandatangan di bawah, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

MOHD. BAHARUDDIN MOHAMAD ZIN (NO. MATRIK : 802753)

Calon untuk Ijazah **Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI (EQ) DENGAN MINAT

MEMBACA DALAM KALANGAN PELAJAR.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(as it appears on the title page and front cover of project paper. Is acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper)

Nama Penyelia : **Tn. Hj. Kamarulzaman Md. Ali**
(Name of Supervisor)

Tandatangan :
(Signature)

Tarikh : **28 Februari 2010**
(Date)

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengajian program sarjana Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamer tesis ini sebagai bahan rujukan, Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan akademik tetapi mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia tesis atau Dekan Kolej Sastera dan Sains. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan-tujuan komersial dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pertanyaan rujukan adalah kepada penulis dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui :

DEKAN KOLEJ SASTERA DAN SAINS

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 SINTOK

KEDAH

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S. W. T kerana dengan izin-Nya membolehkan saya menjalankan kajian ini dengan tabah sehingga dapat menyiapkannya. Ternyata ranjau untuk menamatkan kajian ini telah menduga usaha dan mengentalkan semangat saya. Sepanjang kajian ini dijalankan saya telah memperoleh bantuan dan kerjasama yang padu dan tidak ternilai daripada pelbagai pihak. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tiada terhingga ditujukan khas buat penyelia Tn. Haji Kamarulzaman Bin Mohd Ali yang telah banyak memberikan bimbingan, panduan dan tunjuk ajar ilmiah dan professional secara berterusan sehingga akhirnya saya dapat menyiapkan kertas projek ini. Penghargaan dan jutaan terima kasih juga ditujukan khas buat pembaca projek penyelidikan ini, Dr. Arsaythamby a/l Veloo yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang amat berguna dalam memantapkan lagi kajian ini terutama bahagian analisis statistik.

Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Bahagian Pendidikan, Kolej Sastera dan Sains UUM seperti Dr. Arsaythamby, Dr. Abdull Sukor, Dr. Ruzlan, P.M. Dr. Mohd Izam, P.M. Dr. Nurahimah, Dr. Abdul Halim, Dr. Hamida Bee bi yang memberi sokongan secara langsung atau sebaliknya untuk menjayakan kajian ini.

Juga tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan St. Anthony, Sarikei yang merestui dan memberi galakan stafmu ini melanjutkan pelajaran. Tidak lupa juga kepada Cikgu Martin yang membantu saya dalam proses pengutipan data, seterusnya kepada semua responden tingkatan 4 dan 5. Kerjasama anda adalah resepi kejayaan saya. Penghargaan terima kasih juga saya tujukan buat semua rakan yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan nasihat yang berguna terutamanya buat Sia, Liaw, Fendi, dan Intan yang sentiasa bersedia membantu.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan khas buat kedua ibu bapa tercinta, Haji Mohamad Zin dan Hajah Siti Meriam serta seluruh keluarga mentua yang tidak pernah jemu memberikan dorongan dan galakan serta mendoakan yang terbaik buat diri ini.

Ucapan terima kasih yang teristimewa buat isteriku yang tercinta, Nor Azma Binti Che Busu yang gigih menyandang tugas ibu dan ayah sepanjang pengajianku. Buat anak-anak tersayang, Nur Qistina Balqis dan Nur Qistina Batrisyia, abah sematkan namamu dalam naskah ini agar menjadi pembakar semangat kakak dan adik untuk menjadi lebih terbilang. Syukur Alhamdulillah kerana kehadiran kalian membawa kebahagiaan dan kegembiraan.

HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI (EQ) DENGAN MINAT MEMBACA DALAM KALANGAN PELAJAR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap kecerdasan emosi pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 dan hubungannya dengan minat membaca dalam kalangan pelajar. Seramai 162 pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan St. Anthony, telah diambil sebagai responden dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini ialah 'Emotional Intelligence Scale' oleh Teh Fui Kim (2001), yang mana beliau telah terjemahkan versi asal 'Emotional Intelligence Scale' yang dibina oleh Schutte et al. (1998) yang berasaskan Model Konseptual EQ Salovey & Mayer (1990). Instrumen yang digunakan untuk mengumpulkan dan menganalisis data adalah soal selidik berteraskan kaedah skala Likert. Terdapat dua jenis analisis data yang digunakan dalam kajian ini iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan dan median digunakan untuk melaporkan data demografi pelajar manakala analisis inferensi yang digunakan ialah korelasi Pearson, dan ujian-t satu sampel digunakan untuk melaporkan tahap kecerdasan emosi. Melalui analisis korelasi Pearson dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca dalam kalangan pelajar ($r = 0.93$, $p < .01$). Kesimpulannya, keputusan analisis korelasi Pearson dalam kajian ini telah menolak hipotesis nul dan menerima hipotesis alternatif iaitu mempunyai hubungan korelasi secara positif. Manakala analisis melalui ujian-t satu sampel pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi bagi pelajar yang berlainan jantina ($t = 38.74$, $p < .05$). Analisis ujian-t satu sampel terhadap aliran pengajian dan anggaran pendapatan keluarga juga signifikan iaitu masing-masing mencatatkan ($t = 42.22$, $p < .05$) dan ($t = 29.36$, $p < .05$). Berdasarkan dapatan kajian ini, penyelidik mencadangkan agar program menggalakkan pelajar membaca diperhebatkan dan dipelbagaikan oleh pihak Kementerian Pelajaran dan tidak hanya bergantung pada program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) semata-mata sebagai kayu ukur bahawa tahap penghayatan membaca dalam kalangan pelajar tidak terlalu membimbangkan waima realiti sebaliknya yang berlaku.

RELATIONSHIP BETWEEN EMOTION QUOTIENT (EQ) WITH READING INTEREST AMONG THE STUDENT

ABSTRACT

Purpose of this research is to study emotion quotient level among the Form 4 and Form 5 student and relationship with reading interest among the student. 162 Form 4 and Form 5 student of Sekolah Menengah Kebangsaan St. Anthony had taken as respondent in this research. Instrument had used in this research is 'Emotion Intelligence Scale' by Teh Fui Kim (2001). He had translated the origin version 'Emotional Intelligence Scale' construct by Schutte et.al (1998) based on EQ Conceptual Model Salovey & Mayer (1990). Instrument had used to collect and analysis data is investigate based on Likert Scale Method. There are 2 types of data analysis had usec in this research namely descriptive analysis and inferency analysis. Descriptive analysis had used is frequency, percentage and median to report the demography data of the student. Inferency analysis had used is Pearson Correlation and one sample t-test use to report emotion quotient level. Through analysis of Pearson Correlation in this research shown that there are ($r=0.93$, $p<.01$). As a conclusion, the result of Pearson Correlation analysis in this research had reject the nul hypothesis that has positive correlation relationship. While through the analysis of one sample t-test shown that there are significant differentiate in emotion quotient for different sex of student ($t=38.74$, $p<.05$). One sample t-test analysis for studying course and estimate of family also significant own for ($t=42.22$, $p<.05$) and ($t=29.36$, $p<.05$). Based on research, the researcher suggests KPM will construct the program to encourage student to read and not only depend on NILAM program as a batchmark for reading level among the student and not apprehend although the reality is not same.

KANDUNGAN

	Halaman
° KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Kerangka Konseptual	9
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Signifikan Kajian	13
1.8 Definisi Istilah	14
1.8.1 Kecerdasan Emosi (Salovey dan Mayer)	14
1.8.2 Kecerdasan Emosi (Vittese)	15
1.8.3 Kecerdasan Emosi (Robert et. al)	15
1.8.4 Minat Membaca	16
1.8.5 Minat Membaca (Jabatan Statistik Negara 2008)	16

1.8.6	Minat Membaca Ibu Bapa	16
1.8.7	Minat Membaca anak	17
1.9	Batasan Kajian	17
1.10	Kesimpulan	18
BAB II TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pendahuluan	20
2.2	Remaja dan Konsep Kecerdasan Emosi	21
2.3	Kajian-kajian Lampau	22
2.3.1	Kecerdasan Intelektual (IQ)	22
2.3.2	Kecerdasan Pelbagai (MI) Gardner	24
2.3.3	Kecerdasan Emosi Menurut Salovey dan Mayer	24
2.3.4	Kecerdasan Emosi Menurut Goleman	25
2.3.5	Kecerdasan Emosi Menurut Reuven Bar-On	25
2.4	Kajian Berkaitan	29
2.4.1	Faktor Jantina	29
2.4.2	Faktor Aliran Pengajian	31
2.4.3	Faktor Status Sosio Ekonomi (SSE) Keluarga	31
2.5	Kaitan EQ dengan Kreativiti	32
2.6	Kesimpulan	34
BAB III KAEDAH PENYELIDIKAN		
3.1	Pendahuluan	35
3.2	Rekabentuk Penyelidikan	35

3.3	Populasi dan Sampel	36
3.4	Instrumen	36
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	41
3.7	Kajian Rintis	42
3.8	Prosedur Pengutipan Data	43
3.9	Analisis Data	44
3.9.1	Analisis Deskriptif	44
3.9.2	Menguji Hipotesis	44
3.9.3	Korelasi Pearson	45
3.9.4	Ujian-t Satu Sampel	45
3.10	Kesimpulan	46
BAB IV HASIL DAPATAN		
4.1	Pendahuluan	47
4.2	Profil Responden	48
4.3	Dapatan Kajian	52
4.4	Kesimpulan	57
BAB V PENUTUP		
5.1	Pendahuluan	59
5.2	Ringkasan Kajian	59
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	60
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	66
5.4.1	Penentuan Tahap Kecerdasan Emosi Responden	66

5.4.2	Hubungan di antara Kecerdasan Emosi dengan Minat Membaca	66
5.4.3	Perbezaan Kecerdasan Emosi dengan Jantina	67
5.4.4	Perbezaan Kecerdasan Emosi Mengikut Aliran Pengajian	67
5.4.5	Perbezaan Kecerdasan Emosi dengan Anggaran Pendapatan Keluarga	68
5.5	Implikasi Kajian	68
5.5.1	Pihak Ibu Bapa	69
5.5.2	Pihak Guru	70
5.5.3	Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia	72
5.5.4	Rakan Sebaya	73
5.5.5	Pihak Kaunselor Sekolah	74
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	75
5.7	Kesimpulan	76
	RUJUKAN	78
	LAMPIRAN	
A	Surat Soal Selidik kepada Pelajar	
B	Instrumen Kajian	
	i. Maklumat Responden	
	ii. Soal Selidik	
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah daripada EPRD, Kementerian Pelajaran Malaysia	

SENARAI JADUAL

No. Jadual

3.1	Pencapaian Akademik Pelajar berdasarkan Skor Min	38
3.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Item	42
4.1	Bilangan Responden Mengikut Tingkatan	49
4.2	Bilangan Responden Mengikut Jantina Pelajar	50
4.3	Bilangan Responden Mengikut Aliran Pengajian	50
4.4	Bilangan Responden Mengikut Anggaran Pendapatan	51
4.5	Bilangan Responden Mengikut Keputusan BM PMR	52
4.6	Tahap Kecerdasan Emosi Responden	53
4.7	Hubungan antara Kecerdasan Emosi dengan Minat membaca Pelajar	54
4.8	Perbezaan Kecerdasan Emosi Mengikut Jantina Pelajar	55
4.9	Perbezaan Kecerdasan Emosi Mengikut Aliran Pengajian	56
4.10	Perbezaan Kecerdasan Emosi Mengikut Anggaran Pendapatan Keluarga	57
4.11	Rumusan Hasil Kajian Mengikut Hipotesis	57

SENARAI RAJAH

No. Rajah

1.1	Falsafah Pendidikan Negara (1987)	2
1.2	Kerangka Konseptual Kajian Berdasarkan Model Konseptual Kecerdasan Emosi oleh Salovey dan Mayer (1990)	10
2.1	Intelligence Quotient (IQ) oleh Lewis Teman (1958)	23
2.2	Kecerdasan Emosi dan Sosial Menurut Bar-On (2000)	28
2.3	Kestabilan Emosi dan Darjah Kreativiti Menurut Larry R. William (2002)	33

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kecerdasan emosi dapat meningkatkan kemampuan kita mengawal perasaan kita (Meyers, 1999). Kecerdasan emosi adalah suatu himpunan kemampuan mental yang membantu kita mengenal pasti dan memahami perasaan kita dan perasaan orang lain. Ada dua bahagian dalam kecerdasan emosi. Bahagian pertama melibatkan emosi pemahaman intelek. Bahagian kedua melibatkan emosi yang menjangkau ke dalam sistem intelektual dan menyebabkan terhasilnya pemikiran dan idea kreatif. Bahagian kedua ini amat sukar ditentukan dalam makmal tetapi dipercayai wujud. Persoalannya, dapatkah kecerdasan emosi dipelajari? Sekiranya kecerdasan emosi itu sama seperti kemahiran yang lain maka ianya terbentuk sebahagiannya oleh genetik dan sebahagian lagi oleh persekitaran. Apa yang perlu diajarkan ialah apakah maksud ataupun maknanya perasaan yang pelbagai itu dan bagaimana ia ada kaitannya dengan diri kita dan orang lain. Sehubungan itu, apabila kita ingin mengkaji kecerdasan emosi sudah semestinya ia ada kaitan dengan tekanan yang pelbagai. Mungkin datang daripada diri kita sendiri atau persekitaran kehidupan kita.

Menurut Omardin Ashaari (1996), dalam proses kehidupan pendidikan terikat kepada tekanan masyarakat dan ini dapat disesuaikan dengan keadaan semasa, selain daripada

tekanan dan keperluan sejagat. Pendidikan merupakan proses untuk mengubah seseorang individu itu bagi membolehkannya menyesuaikan diri dari segi fizikal, mental, emosi, moral dan kerohanian mengikut situasi semasa. Dengan pendidikan seseorang individu itu dapat menghadapi cabaran dalam pelbagai bidang kehidupan seperti sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Contohnya, sekolah kini menjadi pusat untuk melahirkan manusia yang sempurna dari segi kurikulum dan kokurikulum bagi mengisi kekosongan bidang di negara kita. Ironinya, apabila terlalu banyak elemen perlu diisi sewaktu di bangku persekolahan maka sedikit demi sedikit kecerdasan emosi akan terbentuk dalam jiwa pelajar sehingga pada satu tahap pelajar sudah berfikiran matang dan mampu untuk mengendalikan emosi dalam dirinya.

Falsafah Pendidikan Negara yang diperkenalkan pada tahun 1987 telah menggariskan beberapa faktor penting yang perlu dilaksanakan dalam bidang pendidikan. Dalam sesebuah negara pendidikan adalah teras bagi menjamin penghasilan modal insan yang dapat memenuhi keperluan tenaga kerja di dalam pelbagai bidang. Melalui pendidikan juga akan dapat melahirkan rakyat yang berdisiplin, jujur dan berakhlak mulia. Lantaran itu falsafah pendidikan negara telah menggariskan kenyataan berikut:

“ Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”

Rajah 1.1: Falsafah Pendidikan Negara (1987)

Berdasarkan pengamatan terhadap falsafah pendidikan di atas, jelas menggambarkan bahawa perkara yang amat diberikan perhatian di dalam sistem pendidikan negara ini adalah mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Tiga unsur yang akan diberikan keutamaan di dalam kajian ini meliputi aspek intelek, emosi dan rohani. Aspek intelek dilihat melalui konteks pencapaian akademik yang merangkumi kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira, sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan, mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan kritis supaya mampu menghasilkan idea-idea yang bernas. Emosi pula adalah di dalam bentuk pengukuran kecerdasan emosi iaitu dari aspek mempunyai perasaan yang tenang dan berfikiran waras. Aspek rohani dan jasmani dari segi tingkah laku yang menekankan tingkah laku yang terkawal serta memiliki dan memupuk kasih sayang. Bertitik tolak daripada 4 elemen dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu jasmani, emosi, rohani, dan intelek maka kajian ini akan mengaitkan antara 2 elemen iaitu elemen emosi dan elemen intelek. Sejauh mana kecerdasan emosi iaitu elemen emosi akan mempengaruhi minat membaca dalam kalangan pelajar iaitu elemen intelek.

Sejajar dengan itu, sebelum munculnya konsep kecerdasan emosi, terlebih dahulu kecerdasan intelektual mengambil tempat. Kecerdasan lazimnya dikaitkan dengan suatu kemampuan yang semula jadi, yang dilahirkan bersama seseorang itu – yang lebih dikenali sebagai IQ (*Intelligent Quotient*). Dalam IQ apa yang diukur adalah kemampuan seseorang menyelesaikan masalah menurut kaedah penaakulan (*reasoning*). Pada tahun 1990 Dr. John D. Mayer dan Dr. Peter Salovey telah menulis satu artikel mengenai kecerdasan emosi di mana mereka telah secara formal mendefinisikan kecerdasan emosi, dan buat pertama kalinya menunjukkan bahawa kemampuan melaksanakan sesuatu tugas dapat digunakan untuk

mengukur kecerdasan emosi. Berikutan dengan itu, pada tahun 1995 Dr. Daniel Goleman pula telah menulis sebuah buku berjudul *Emotional Intelligence*, dan ini telah menarik perhatian banyak orang sehingga menjadi popular dan dikaji oleh beberapa pengkaji lain.

Pada masa yang sama, minat membaca juga perlu dibudayakan selaras dengan kecerdasan emosi. Pembangunan sesebuah negara adalah bergantung kepada rakyatnya yang berilmu pengetahuan, berfikiran positif, rajin, dan berdaya saing. Amalan membaca perlu diperlengkap dengan kemahiran memilih bahan bacaan yang berkualiti kerana bahan yang tidak berkualiti tidak akan membangunkan minda dan keintelektualan kita. Peranan ini perlu bagi memenuhi perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi yang memberi tamparan hebat kepada perkembangan mental kanak-kanak dan bagi memenuhi aspirasi, keperluan, citarasa, kerenah, dan sikap ingin tahu yang hanya dapat dipenuhi melalui amalan membaca. Ibu bapa di rumah perlu memperuntuk masa yang tetap untuk membaca bersama keluarga umpamanya pada cuti hujung minggu. Peruntukan masa ini amat perlu untuk membolehkan ahli keluarga berkumpul bagi menyertai aktiviti membaca bersama dengan bahan bacaan yang digemari sama ada buku, majalah, novel, kitab agama atau lain-lain bahan bacaan (Perpustakaan Negara Malaysia).

Walaupun Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini telah lama diperkenalkan, namun keseimbangan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani masih tidak kesampaian. Mari kita mengambil contoh, apabila masalah disiplin dan kebejatan akhlak pelajar sekolah menengah kian meningkat maka tumpuan terhadap pelajaran juga akan terganggu. Menurut Peng (1993), pencapaian akademik pelajar sangat berkait dengan disiplin pelajar tersebut. Tahap disiplin yang baik akan menjanjikan pencapaian yang positif dan tahap disiplin yang rendah adalah sebaliknya. Pencapaian yang rendah pula berkaitan dengan minat dan kecenderungan

pelajar untuk mentelaah, mengulang kaji pelajaran dan juga minat membaca buku akademik terutama buku teks semakin merosot. Ini jelas menunjukkan akibat langsung daripada kecerdasan emosi yang gagal dilentur oleh pelajar akan mempengaruhi elemen minat membaca. Pada kebiasaannya, kita sedar bahawa untuk berjaya dalam akademik minat membaca sangat penting tetapi apabila minat membaca sudah tiada maka kestabilan emosi juga gagal diwujudkan. Apa yang pasti tingkah laku ini mencerminkan bahawa pelajar sekolah kekurangan elemen yang sangat penting iaitu emosi yang menjadi pengukuran di dalam menjamin kejayaan kehidupan seseorang. Oleh itu, semua pihak termasuk ibu bapa, rakan sebaya, guru, sekolah dan masyarakat perlu berusaha bersungguh-sungguh supaya matlamat ini menjadi kenyataan.

1.2 Penyataan Masalah

Minat membaca adalah satu amalan yang perlu diterapkan dalam jiwa anak-anak bermula dari rumah dan perlu dipantau oleh ibu bapa. Peranan persekitaran keluarga yang prihatin terhadap amalan ini menjadi pengukur keberkesanan minat yang diterapkan kepada anak-anak. Namun demikian, amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih pada tahap yang amat rendah. Kajian yang dilakukan Frank Small dan Associates bagi pihak Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1996 (Statistik Perpustakaan Negara 2000) mendapati rakyat Malaysia secara puratanya membaca dua buah buku setahun. Andaikan seseorang menggunakan 50 jam dalam membaca sebuah buku, ini bermakna rakyat Malaysia hanya membaca 100 jam dalam setahun. Satu kajian tinjauan mengenai sikap membaca dan kegunaan perpustakaan pelajar di Austria telah dilakukan oleh Dr. Bülent Yilmaz dan Mag. Kemal Cindi dengan sokongan daripada Kementerian Kebudayaan Austria (66 th IFLA

Council and General Conference, 2000). Data kajian diperolehi daripada 108 pelajar, 94 ibu bapa, 24 guru, 7 guru besar dan 13 pengawas perpustakaan. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa 6.5% pelajar di Austria membaca dua buku atau lebih dalam sebulan. Manakala 15.7% pelajar membaca satu buku sebulan, 35.2% pelajar membaca satu atau kurang daripada satu buku untuk satu bulan, 35.2% pelajar membaca satu atau kurang daripada satu untuk dua bulan, dan 42.6% pelajar tidak membaca.

Sikap ibu bapa juga turut dikaitkan dengan sahsiah anak-anak. Isu kurangnya perhatian ibu bapa terhadap anak-anak mungkin telah mencapai tahap yang serius sehingga terbentuknya Akta Kanak-Kanak 1999 yang bertujuan untuk memastikan bahawa ibu bapa memenuhi tanggungjawab mereka dalam menjaga dan melindungi kepentingan anak-anak sehingga mereka berumur 18 tahun (Halijah 2001). Sikap ibu bapa adalah satu aspek yang terkandung dalam persekitaran keluarga. Jika ibu bapa sentiasa peka dengan keperluan anak-anak maka ibu bapa dapat menerapkan amalan positif termasuklah minat membaca. Oleh itu, sikap ibu bapa adalah kunci untuk menyematkan dalam jiwa anak-anak tentang budaya membaca sebagai satu amalan.

Pengaruh emosi dikatakan memainkan peranan yang penting bagi menangani masalah kurang minat membaca dalam kalangan pelajar. Hal ini demikian kerana kebanyakan daripada tingkah laku pelajar lebih dikuasai dan dipengaruhi oleh emosinya. Maka dalam hal ini kecerdasan emosi lebih penting dan diperlukan bagi membentuk individu yang berjaya (Noraini Ahmad 2000). Lebih awal dari itu, apa yang dinyatakan oleh Noraini telah disarankan terlebih dahulu oleh Goleman (1998) bahawa 80% kejayaan seseorang adalah bergantung kepada kecerdasan emosi (EQ) bukannya kecerdasan intelektual (IQ) semata-

mata. Ia juga menjadi penentu bagi seseorang pelajar untuk menangani sesuatu permasalahan dengan lebih bijak dan berkesan. Kecerdasan emosi menjadi semakin penting ekoran dari ketidakstabilan emosi yang melanda diri para pelajar dewasa ini. Menurut Mayer dan Salovey (1993) kecerdasan emosi adalah keupayaan seseorang mengendalikan emosinya bagi mengatasi sesuatu masalah. Konsep ini menjelaskan bahawa seseorang yang berupaya menjelaskan atau menyedari emosinya, memahami dan mengawal emosinya dengan bijak dianggap mempunyai kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi yang baik membolehkan pelajar memandu kemahuan ke arah kemahuan yang tidak menyimpang atau negatif.

Menurut suatu laporan media tempatan (Berita Minggu 19 April, 2009) masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah negara ini semakin serius. Buktinya, Kem Modal Insan Kewaja telah mengendalikan kira-kira 3000 kes pelajar mengandung anak luar nikah dengan peratusan sebanyak 60% terdiri daripada golongan pelajar IPT dan sekolah. Pelajar akan menggunakan cuti umum seperti cuti sekolah, cuti Tahun Baru, cuti Hari Kemerdekaan atau cuti Hari Kekasih untuk meraikan ketulusan cinta mereka sama ada mendapat persetujuan atau secara tidak sengaja pasangan masing-masing. Logiknya, itu hanya statistik daripada sebuah pusat sukarela, belum dikira pusat lain, kes mendiamkan diri atau yang nekad menggugurkan anak semata-mata mahu mengelak menanggung aib diri dan keluarga. Angka salah laku pelajar yang besar ini menunjukkan pelajar mudah mengikut kata hati dan pengaruh rakan serta gagal untuk mengurus emosi bagi mengelakkan kecenderungan melakukan perlakuan negatif.

Manakala, kes kedua melibatkan kejayaan polis menahan 14 pelajar sebuah sekolah menengah di Penanti yang berumur 13 hingga 14 tahun termasuk tiga perempuan kerana disyaki mengambil pil khayal. Polis turut merampas dua pil jenis Dextromethorpan dimiliki seorang daripada pelajar berkenaan sebelum memaklumkan tangkapan itu kepada ahli keluarga mereka serta Jabatan Pelajaran (Berita Minggu, 12 April 2009). Kecenderungan pelajar terlibat dalam salah laku disiplin bermula dari umur 13 tahun lagi memang membimbangkan. Kegagalan pelajar ini untuk menolak perlakuan negatif membuktikan mereka gagal mengawal emosi mereka.

Berdasarkan kes-kes salah laku pelajar seperti pada 20 Mac 2009 dalam paparan akhbar Berita Harian menyatakan bahawa seorang pelajar di sekolah menengah dalam daerah Pasir Puteh, Kelantan telah dilibas dengan lawi ayam kerana kesalahan menjeling seorang pelajar. Ini membuktikan pelajar yang membelasah tidak berjaya mengawal emosinya sehingga mengambil tindakan luar jangka. Apabila dia sudah dibuang sekolah barulah dia menyatakan kekesalannya kerana terlalu menurut perasaan sewaktu melibas seorang pelajar.

Rentetan salah laku remaja yang bercambah menyebabkan pengkaji merasa terpanggil untuk mengkaji tentang domain-domain kecerdasan emosi dan melihat sama ada terdapat perbezaan persepsi kecerdasan emosi para pelajar dilihat dari segi jantina, aliran pengajian, pencapaian akademik serta status sosioekonomi (SSE) keluarga. Ini kerana pada masa sekarang pengkaji melihat bahawa para pelajar tidak menitik beratkan aspek-aspek dalaman yang berkaitan dengan rohani dan emosi. Pelajar juga seharusnya lebih peka terhadap aspek berkaitan kecerdasan dan kesedaran emosi.


Memandangkan masalah disiplin pelajar semakin merosot secara langsung ia disuburi oleh sikap kurang minat membaca yang semakin menular dalam kalangan pelajar. Membaca adalah sumber ilmu dan apabila amalan ini bukan pegangan maka jiwa pelajar menjadi kosong dan akan mudah bertindak mengikut hati berbanding akal. Hal ini menyebabkan pengkaji berpendapat perlulah dibuat kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab yang mempengaruhi masalah berkaitan. Maka kajian ini bertujuan untuk melihat elemen kecerdasan emosi sebagai salah satu faktor penyebabnya. Seterusnya, adakah kecerdasan emosi mempengaruhi minat membaca dalam kalangan pelajar? Didapati bahawa kajian Salovey dan Mayer berpotensi untuk meneliti elemen kecerdasan emosi berdasarkan kepada lima domain iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan. Justeru itu kajian ini cuba melihat kecerdasan emosi pelajar remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Anthony, Sarikei, Sarawak.

1.3 Kerangka Konseptual

Kajian ini merupakan gabungan beberapa teori dan kajian-kajian lepas. Banyak kajian telah menunjukkan kecerdasan emosi mempengaruhi tingkah laku pelajar. Seterusnya, kajian ini akan cuba mengupas hubungan kecerdasan emosi terhadap minat membaca dalam kalangan pelajar. Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan kepada Model Konseptual Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990). Kajian berfokuskan kepada hubungan di antara kecerdasan emosi dengan minat membaca dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 dan tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Anthony, Sarikei, Sarawak. Turut dikaji

ialah perbezaan kecerdasan emosi dari aspek jantina, aliran pengajian dan status sosioekonomi.

Domain kecerdasan emosi oleh Salovey dan Mayer (1990) meliputi domain mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan. Mengenali emosi sendiri ialah keupayaan untuk menyedari emosinya ketika emosi itu menguasai dirinya. Mengurus emosi sendiri pula ialah keupayaan seseorang itu menentukan emosi negatif menguasai diri untuk sementara sahaja. Seterusnya memotivasikan emosi negatif bermaksud meningkatkan keupayaan diri untuk berfikir, merancang dan menyelesaikan masalah. Mengenali emosi orang lain pula ialah keupayaan untuk membaca makna daripada unsur-unsur bukan verbal manakala mengendali perhubungan ialah keupayaan pengurusan sendiri dan berempati. Secara ringkasnya kerangka konseptual kajian adalah seperti Rajah 1.2 berikut:



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian Berdasarkan Model Konseptual Kecerdasan Emosi oleh Salovey dan Mayer (1990).

1.4 Tujuan Kajian

Memandangkan kepentingan kecerdasan emosi ke atas minat membaca pelajar maka kajian dijalankan untuk melihat sejauh manakah hubungan di antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Pengkaji juga cuba melihat perbezaan kecerdasan emosi dari aspek jantina, aliran pengajian dan status sosioekonomi.

1.4.1 Objektif

Secara khusus objektif kajian ini ialah:

- i. Menenal pasti perhubungan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca pelajar.
- ii. Mengkaji perbezaan persepsi pelajar terhadap kecerdasan emosi mengikut lima domain berdasarkan jantina.
- iii. Melihat perbezaan kecerdasan emosi dari aspek aliran pengajian, dan status sosioekonomi.
- iv. Melihat sama ada terdapat kesan interaksi antara persepsi pelajar terhadap kecerdasan emosi berdasarkan minat membaca?

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini mengemukakan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah tahap kecerdasan emosi pelajar?
- ii. Adakah wujud hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca pelajar?
- iii. Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi antara pelajar lelaki dan perempuan?
- iv. Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut aliran pengajian?
- v. Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut anggaran pendapatan keluarga?

1.6 Hipotesis kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji lima hipotesis nol. Hipotesis nol kajian adalah seperti berikut:

- Ho1 : Tidak terdapat perbezaan min kecerdasan emosi pelajar
- Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca.
- Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan jantina.
- Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan aliran pengajian.

Ho5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan anggaran pendapatan keluarga.

1.7 Signifikan Kajian

1.7.1 Kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada ibu bapa mengenai faktor yang mempengaruhi minat membaca anak. Peranan ibu bapa amat penting dalam memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar.

1.7.2 Kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada guru tentang faktor kecerdasan emosi yang mempengaruhi minat membaca pelajar. Guru harus sentiasa menggalakkan ibu bapa untuk melibatkan diri dalam tabiat membaca anak.

1.7.3 Kajian ini juga diharapkan dapat menyedarkan kerajaan dengan kempen amalan membaca yang berlaku di Malaysia serta kepentingan amalan membaca pada anak. Banyak pihak seperti Perpustakaan Negara, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan memainkan peranan yang penting dalam menyedarkan rakyat Malaysia terhadap kepentingan membaca dan peranan ibu bapa dalam memupuk minat membaca anak mereka.

1.7.4 Kajian tentang kecerdasan emosi adalah penting kerana ia dapat memberi maklumat dan pengetahuan mengenai komponen kecerdasan emosi yang perlu ada pada seseorang. Kajian ini boleh bertindak sebagai pemangkin untuk memberi kesedaran kepada pelajar terutamanya supaya mereka boleh berfikir dengan lebih rasional

sebagai remaja yang mana pada tahap ini beberapa perubahan akan berlaku sama ada dari segi fizikal, mental, kognitif mahupun emosi.

1.7.5 Maklumat yang akan diperolehi daripada kajian ini diharap dapat membantu para pelajar menyedari tentang kepentingan kecerdasan emosi ke atas diri mereka sendiri terutama dari segi emosi. Memandangkan isu pelajar semakin diberi perhatian gara-gara pengaruh yang tidak sihat melanda, jadi kecerdasan emosi amat dititikberatkan supaya mereka memiliki sahsiah yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Kecerdasan emosi (Salovey dan Mayer)

Kecerdasan emosi adalah kemampuan atau keupayaan seseorang mengendalikan perasaannya sendiri serta dapat memahami perasaan orang lain bagi membuat penilaian dan perbandingan dan menggunakan pengetahuan ini yang ada ke arah pemikiran dan tindakan yang betul. Istilah-istilah seterusnya adalah berdasarkan lima domain yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu berdasarkan penjelasan Salovey dan Mayer (1990) :

- a) **Mengenal emosi sendiri** : Menyedari dan memahami emosinya ketika emosi itu menguasai dirinya.
- b) **Mengurus emosi sendiri** : Mengenal pasti rangsangan yang mencetuskan emosi negatif dan cara mengatasinya.
- c) **Memotivasikan emosi negatif** : Percaya diri sendiri mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tugas yang telah ditetapkan serta boleh mencabar fikiran yang mencetuskan emosi negatif serta menjadikan emosi sebagai alat untuk

meningkatkan kemampuan diri untuk berfikir, merancang dan menyelesaikan. Orang-orang yang memiliki sifat ini cenderung lebih produktif dan efektif dalam segala hal yang mereka lakukan.

- d) **Mengenali emosi orang lain** : Atau dengan kata lain empati, boleh mengesan perasaan orang lain, boleh melihat atau memahami sudut pandangan orang lain dan boleh mencetus serta menyuburkan kemesraan dan keserasian dengan individu dari pelbagai latar belakang.
- e) **Mengendali perhubungan** : Mengenali emosi orang lain dapat dilakukan apabila seseorang itu memiliki kemampuan pengurusan sendiri dan empati. Dua kemampuan ini akan membentuk kuasa interpersonal yang mengizinkan seseorang itu mencorak dan membentuk pertemuan yang berlaku menjadi sesuatu yang positif, memberi ilham kepada orang lain, menghasilkan perhubungan yang akrab, mempengaruhi orang lain dan membantu orang lain mendapatkan kebahagiaan ataupun ketenangan.

1.8.2 Kecerdasan emosi (Vittese)

Menurut Vittese (1999), kecerdasan emosi adalah kemampuan untuk mengesan, memahami dan menggunakan kuasa ketajaman fikiran emosi sebagai sumber tenaga, maklumat dan pengaruh dengan lebih efektif.

1.8.3 Kecerdasan emosi (Robert et al)

Menurut Robert et al. (1999), kecerdasan emosi memerlukan kita mengenali dan menilai perasaan diri kita dan orang lain supaya kita dapat bertindak balas dengan lebih baik kepada

perasaan tersebut. Seterusnya, kita dapat menggunakan maklumat dan tenaga emosi dalam kehidupan dan pekerjaan harian kita.

1.8.4 Minat membaca

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat minat membaca bermaksud kecenderungan kepada sesuatu dengan memerhatikan isi sesuatu yang tertulis dan tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya.

1.8.5 Minat Membaca (Jabatan Statistik Negara 2008)

Kadar literasi rakyat Malaysia pada kelompok umur 15 tahun ke atas ialah 93.2 peratus. Data itu menunjukkan Malaysia dalam kalangan negara Asia Tenggara yang mempunyai kadar literasi tinggi walaupun ia masih berada di belakang negara maju lain seperti Jepun, United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan Jerman mencatatkan kadar literasi 99 peratus.

1.8.6 Minat Membaca Ibu Bapa

Minat membaca ibu bapa dalam kajian ini merujuk kepada kerelaan dan inisiatif yang diambil oleh ibu bapa dalam membaca. Ibu bapa yang berminat membaca berpendapat membaca adalah sesuatu yang menarik dan merupakan satu ganjaran bukan sesuatu hukuman yang dipaksa. Mereka masih membaca walaupun menghadapi kekangan seperti sibuk dan letih. Satu tindakan yang dapat menunjukkan minat membaca ialah kesanggupan membeli, meminjam dan menyimpan buku.

1.8.7 Minat Membaca Anak

Definisi minat membaca dalam kajian ini menunjukkan seseorang anak yang berminat membaca akan membaca atas inisiatif sendiri iaitu tanpa dipaksa. Mereka masih membaca walaupun mempunyai pilihan lain yang menarik. Mereka boleh membaca di mana-mana dan bila-bila sahaja.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan beberapa batasan seperti berikut:

- 1.9.1 Kajian ini berbentuk kuantitatif yang hanya memberi tumpuan pada Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Anthony, Sarikei, Sarawak. Sekolah ini merupakan sekolah menengah harian biasa. Pelajar-pelajar lain seperti sekolah rendah, pelajar dari sekolah vokasional, teknik, sekolah menengah khas dan sekolah menengah berasrama tidak terlibat dalam kajian ini. Oleh itu dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua populasi pelajar remaja yang di luar tumpuan kajian. Ianya hanya boleh diseluruhkan kepada subjek kajian dan tempat kajian yang sama.
- 1.9.2 Kajian terhad kepada pelajar tingkatan 4 dan 5. Oleh itu, pengkaji tidak bercadang untuk melihat faktor umur sebagai faktor yang mempengaruhi kecerdasan emosi.
- 1.9.3 Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan. Walaupun dapatan kajian dapat memberi penerangan, interpretasi dan pemahaman yang mendalam terhadap kes tersebut tetapi data dan hasil kajian ini tidak boleh digunakan untuk membuat generalisasi ke atas semua pelajar tingkatan empat dan lima seluruh negara.

1.9.4 Segala maklumat subjek kajian adalah berdasarkan kepada maklum balas melalui soal selidik sahaja. Kebolehpercayaan dapatan kajian ini bergantung kepada kejujuran dan kesungguhan responden menjawab item-item yang dikemukakan dalam soal selidik.

1.10 Kesimpulan

Penekanan kecerdasan emosi di dalam bidang pendidikan adalah suatu langkah yang wajar bagi menghasilkan pelajar yang bukan sahaja cerdas dari segi intelegnya tetapi juga emosinya. Lantaran itu perlulah diperbanyakkan kajian mengenainya bagi membekalkan lebih banyak maklumat kepada pelbagai pihak. Seterusnya diterapkan di dalam pendidikan sama ada di rumah atau di sekolah untuk meminimumkan masalah sosial dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik. Secara keseluruhannya kajian ini ingin melihat persepsi pelajar terhadap kecerdasan emosi berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang telah ditentukan dalam persoalan-persoalan kajian yang telah dijelaskan.

Kajian ini bertujuan untuk melihat betapa pentingnya kecerdasan emosi dikaji kerana ia semakin mendapat tempat di dalam bidang pendidikan. Menurut Allen F. dan Robert M. (2002), nama-nama besar dalam disiplin psikologi seperti Freud, Rogers, Maslow, Gardner terlebih dahulu mengkaji fenomena emosi manusia yang diterjemahkan menerusi pelbagai teori dan model mereka. Justeru itulah, klise Plato berkenaan emosi sukar untuk disangkal lagi kerana 'siapalah manusia' tanpa emosi. Malah antara seorang manusia dengan manusia yang lain dapat dibezakan menerusi tindak balas emosi yang diterjemahkan menerusi

perlakuannya. Dalam kajian ini kajian tentang kecerdasan emosi dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah sebagai batasan kajian.

Selain itu, bahagian ini juga telah mengemukakan secara ringkas tentang latar belakang tabiat membaca. Tabiat membaca rakyat akan menentukan maju atau mundurnya sesebuah negara. Pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian dan hipotesis kajian juga dijelaskan. Hasil kajian ini diharapkan dapat menunjukkan minat membaca dipengaruhi oleh kecerdasan emosi. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pelajar, guru dan ibu bapa dalam usaha untuk menghasilkan suasana pembelajaran yang kondusif dan efektif bagi melahirkan pelajar yang sempurna emosinya seterusnya mantap sahsiah diri.

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan kecerdasan emosi pelbagai responden termasuk guru, pensyarah, dan pelajar. Seterusnya, kajian lalu juga akan menyingkap minat membaca dalam kalangan pelajar. Kemudian, pengkaji akan menghubungkan antara kecerdasan emosi dan minat membaca pelajar. Pencapaian akademik pelajar sering diperbincangkan terutama selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Pelajar yang cemerlang mempunyai pandangan yang berbeza-beza tentang pencapaian mereka. Antara faktor-faktor yang kerap dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar ialah kesedaran yang tinggi. Elemen ini berkait dengan kecerdasan emosi. Selain itu, kaedah mengulang kaji pelajaran serta sokongan dari keluarga dan rakan-rakan juga antara faktor kejayaan yang diraih oleh seseorang pelajar. Manakala elemen ini turut mengambil peranan ilmu yang diperoleh daripada membaca.

2.2 Remaja dan Konsep Kecerdasan Emosi

Pengkaji akan menggunakan pelajar yang berumur 16 dan 17 tahun iaitu mereka berada di tingkatan empat dan lima sebagai responden kajian. Usia ini melambangkan mereka berada di zaman remaja menuju ke ambang dewasa. Di sini pengkaji ingin menjelaskan tentang siapa remaja kerana pada peringkat inilah emosi mereka menjadi bertambah matang seiring dengan peningkatan umur mereka. Secara umumnya remaja ialah seorang anak muda yang beransur-ansur berkembang menjadi orang dewasa, mulai matang berfikir dalam menilai perkara baik atau buruk, betul ataupun salah. Zaman remaja biasanya akan berlaku anjakan daripada perubahan fizikal, emosi dan personaliti harus mereka fahami dengan teliti supaya masalah tersebut dapat diatasi (Mahmood Nazar 2001). Konsep emosi harus diberi penekanan kerana pada masa inilah mereka lebih cenderung bertindak mengikut kata hati. Malahan kebanyakan remaja akan meletak kepercayaan penuh terhadap kata-kata kawan rapat berbanding ibu bapa. Sekiranya fahaman salah ini menghantui jiwa remaja maka kesongsangan emosi lebih mudah berlaku. Emosi adalah satu perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan akan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Emosi boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi diri dan psikologi (Mahmood Nazar 2001).

Menurut Maznah dan Siti Noor (2002), permulaan baligh diiringi peningkatan dalam pertumbuhan dan perkembangan saiz badan, bentuk badan, komposisi badan, organ reproduktif, ciri sekunder jantina, dan sistem respiratori. Pada masa inilah mereka akan mengalami proses

pemantapan fizikal, intelek, rohani dan emosi. Biasanya umur mereka sekitar 12 hingga 21 tahun.

Pada peringkat ini remaja sering dikaitkan dengan emosi sama ada emosi mereka dalam bersifat membina atau merosakkan sahsiah. Dalam kehidupan mereka, emosi atau perasaan memainkan peranan yang sangat besar, kadang-kadang perasaan itu lebih berpengaruh daripada fikiran kerana mereka inginkan kebebasan. Ini kerana mereka mengalami perubahan yang mendadak dalam beberapa aspek kehidupan terutamanya pertumbuhan fizikal yang memerlukan penyesuaian diri. Maka dalam hal inilah remaja perlukan kecerdasan emosi supaya jati diri mereka akan terbentuk. Kecerdasan emosi dalam konteks ini adalah kemampuan atau kebolehan seseorang mengenal pasti, memproses dan mengurus emosi sendiri dan orang lain (Mayer, Caruso & Salovey 2000).

2.3 Kajian-Kajian Lampau

2.3.1 Kecerdasan Intelektual (IQ)

Sebelum wujud pengenalan pelbagai istilah yang berkaitan kecerdasan termasuk kecerdasan intelektual, kecerdasan pelbagai, dan kecerdasan emosi terlebih dahulu makna kecerdasan atau kepintaran cuba dirungkaikan oleh para pakar berkaitan. Di antaranya ialah Wechsler, Spearman, Binet dan lain-lain. Dari pelbagai pendapat yang dikemukakan tentang kecerdasan, pandangan Alfred Binet dan Theodore Simon adalah antara yang paling popular dalam kalangan masyarakat dunia. Kemudian seterusnya diubahsuai oleh Lewis Terman di Amerika Syarikat dan dinamakan "*Intelligence Quotient*" (Lester D. Crow & Alice Crow, 1958; Z. Kasijan, 1984). Ujian IQ ini

mengukur tahap mental dalam logik-matematik dan linguistik. Dapatan ujian ini ditukar kepada konstruk yang dipanggil “Mental Age” dan kemudian dibahagikan dengan umur sebenar dan didarabkan 100.

$$\text{IQ} = \frac{\text{Mental Age}}{\text{Chronological Age}} \times 100$$

Rajah 2.1: *Intelligence Quotient (IQ)* oleh Lewis Teman

Bagaimanapun, Howard Gardner dalam bukunya *Frames of Mind* (1983) telah mengemukakan teori baru tentang kecerdasan iaitu terdapat sekurang-kurangnya tujuh jenis kecerdasan iaitu verbal-linguistik, logik-matematik, spatial, muzik, kinestetik, interpersonal dan intrapersonal. Teori ini dikenali sebagai *Multiple Intelligence* (MI). Kemudian Daniel Goleman (1995) telah mempopularkan dalam bukunya bertajuk *Emotional Intelligence* iaitu satu lagi kecerdasan yang mula diperkenalkan oleh Peter Salovey dan John D. Mayer pada tahun 1990 iaitu kecerdasan emosi (*emotional intelligence*). Kecerdasan emosi merangkumkan sekali kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal daripada MI oleh Gardner. Goleman (1995) telah menyatakan bahawa kecerdasan emosi (EQ) lebih banyak menyumbang dalam kejayaan berbanding kecerdasan intelek (IQ). Kajian yang dijalankan telah mendapati bahawa kecerdasan emosi menyumbang dua kali ganda dalam mencapai berbanding IQ.

2.3.2 Kecerdasan Pelbagai (MI) Gardner

Howard Gardner (1983) telah mengenalpasti tujuh jenis kecerdasan, ketujuh-tujuh kecerdasan tersebut merupakan potensi-potensi asas yang wujud pada setiap orang, walau dalam kadar berbeza (Gardner ; Taufik Pasiak, 2003). Masalahnya sekarang adalah; pendidikan di Malaysia cenderung mengoptimumkan satu atau dua kecerdasan sahaja. Keadaan ini berlaku kerana terlalu sukar dan satu bebanan yang besar untuk mengembangkan ketujuh-tujuh jenis kecerdasan tersebut. Namun demikian, patut bersyukur kerana wujudnya kajian ilmiah yang menunjukkan bahawa otak manusia mempunyai peranan penting dalam kecerdasan dan kesuksesan (Taufik Pasiak, 2003). Taufik Pasiak (2003) juga mengatakan bahawa secara semula jadi, dalam otak manusia telah disiapkan dengan tiga bentuk pemikiran, iaitu pemikiran rasional, pemikiran emosional (intuitif) dan pemikiran spritual. Otak manusia merupakan sumber bagi banyak perkara, yang dimaksudkan di sini adalah otak manusia merupakan kekuatan fizik bagi pengembangan diri manusia secara keseluruhan.

2.3.3 Kecerdasan Emosi Menurut Salovey Dan Mayer

Kecerdasan emosi menurut Salovey dan Mayer (1990), adalah kemampuan atau keupayaan seseorang mengendalikan perasaannya sendiri dan memahami perasaan orang lain bagi membuat penilaian dan perbandingan lalu menggunakan pengetahuan ini ke arah pemikiran dan tindakan yang betul. Walau bagaimanapun, ia bukan hanya kemampuan seseorang mengendalikan perasaannya sendiri tetapi ia adalah berhubung dengan kemampuan mengawal perasaan orang lain. Konsep kecerdasan emosi pertama kali dikemukakan oleh ahli psikologi Peter Salovey dari Universiti Harvard dan John Mayer dari Universiti New Hampshire, Amerika

Syarikat pada tahun 1990 bagi menerangkan tentang kualiti memahami perasaan sendiri, empati terhadap perasaan orang lain dan menyalurkan emosi bertepatan dengan kehidupan. Manakala Goleman pula menjadi orang pertama menjadikan penyelidikan sains tingkah laku untuk melihat hubungan antara emosi dan mental iaitu membincangkan emosi sebagai satu bentuk kecerdasan berorientasikan biologikal (Lim 1997).

2.3.4 Kecerdasan Emosi Menurut Goleman

Goleman merupakan orang yang mempopularkan konsep kecerdasan emosi. Beliau melihat kecerdasan emosi sebagai kemampuan untuk mengenal pasti perasaan sendiri dan perasaan orang lain, memotivasi diri sendiri dan kemampuan menguruskan emosi dengan cara yang terbaik serta membentuk perhubungan (Goleman 1998). Model kecerdasan emosi yang diketengahkan oleh Goleman adalah bertitik tolak daripada model kebolehan yang dipelopori oleh Mayer dan Salovey. Goleman membahagikan kecerdasan emosi kepada lima domain yang telah dikenal pasti iaitu kesedaran sendiri, kawalan sendiri dan motivasi sendiri adalah termasuk dalam kemampuan peribadi atau personal manakala empati dan menangani hubungan diterangkan sebagai kecekapan sosial.

2.3.5 Kecerdasan Emosi Menurut Reuven Bar-On

Menurut Bar-On, *Emotional Quotient Inventory* (EQ-i) adalah instrumen yang telah dibina dan digunakan untuk menyelidik konsep kepada fungsi emosi dan sosial. Antara faktor-faktor yang dikaji oleh EQ-i dan didapati menyumbang kepada keberkesanan fungsi emosi dan sosial adalah mengesan faktor yang berkaitan dengan fungsi emosi dan sosial, mentakrifkan faktor-faktor

tersebut se jelas mungkin, membina instrumen psikometrik yang menyelidik faktor-faktor yang terlibat, dan membiasakan dan menghadkan instrumen yang terlibat berdasarkan budaya.

Berikut adalah komponen utama kecerdasan emosi dan sosial menurut Bar-On (2000) :

1	<p>Penilaian diri (<i>Self-Regard</i>)</p> <p>Pokok utama kesedaran emosi dan kesefahaman</p>	4	<p>Kebolehan penyesuaian (<i>Flexibility</i>)</p> <p>Dapatan kajian menyatakan individu dengan skor yang rendah gemar bersikap tegas dalam pemikiran dan tingkah laku. Ini menunjukkan individu ini tidak fleksibel dalam hal tertentu.</p>
2	<p>Kesedaran emosi (<i>Emotional Self-Awareness</i>)</p> <p>Merupakan batu asas terhadap model konseptual kecerdasan emosi dan sosial.</p>	5	<p>Penyelesaian masalah (<i>Problem Solving</i>)</p> <p>Adalah penting untuk memahami emosi dalam usaha menyelesaikan masalah yang lebih bersifat semula jadi</p>
3	<p>Ketegasan dan kesungguhan (<i>Assertiveness</i>)</p> <p>Mendapati mereka yang mengalami tekanan jiwa sukar untuk mempamerkan perasaan mereka lantaran rasa malu atau takut dengan reaksi yang bakal diterima.</p>	6	<p>Optimis</p> <p>Optimistik memainkan peranan sebagai terapi psikologi kerana individu yang optimis sentiasa berfikiran positif.</p>

7	<p>Kesefahaman (<i>Empathy</i>)</p> <p>Kajian mendapati menurunkan kesefahaman boleh menjadi faktor penting kepada tingkah laku anti sosial dan agresif yang memerlukan tindakan pemulihan.</p>	10	<p>Kesedaran diri (<i>Self-Actualization</i>)</p> <p>Faktor ini dianggap sebagai ‘pemandu kejayaan’ kerana ia adalah satu cara meningkatkan tingkah laku bijak dengan memberikan motivasi bagi melakukan yang terbaik.</p>
8	<p>Hubungan interpersonal (<i>Interpersonal Relationship</i>)</p> <p>Mengemukakan hubungan antara kemampuan mengambil berat emosi dengan membina serta mengekalkan hubungan interpersonal. Keinginan memberi dan menerima hubungan perasaan bukan saja bergantung kepada sikap mengambil berat tetapi memahami hati dan perasaan.</p>	11	<p>Kegembiraan dan keceriaan (<i>Happiness</i>)</p> <p>Dianggap sebagai ‘barometric’ semula jadi. Dengan adanya kegembiraan ia memandu kita ke arah perkara yang sepatutnya dilakukan.</p>
9	<p>Pengurusan <i>stress</i> atau tekanan (<i>Stress Tolerance</i>)</p> <p>Pengurusan <i>stress</i> yang lemah akan memberikan tekanan. Simptom-simptomnya adalah sukar membuat pilihan dan gangguan fizikal.</p>	12	<p>Berdikari (<i>Independence</i>)</p> <p>Keupayaan berdikari berkait rapat dengan tingkah laku kecerdasan emosi dan sosial. Ia juga bergantung kepada faktor persefahaman, pengurusan stress, ujian realiti dan penyelesaian masalah.</p>

13	<p>Kawalan kehendak (<i>Impulse Control</i>)</p> <p>Penemuan menunjukkan tentang penerimaan sikap agresif seseorang serta kemampuan dan mengawal tingkah laku tidak bertanggungjawab serta bermusuhan.</p>	15	<p>Tanggungjawab sosial (<i>Social Responsibility</i>)</p> <p>Berdasarkan kajian lepas, tanggungjawab sosial adalah faktor penggalak kepada keberkesanan kerja. Faktor ini termasuklah menghormati orang lain, kesetiaan kepada organisasi dan matlamatnya.</p>
14	<p>Ujian realiti (<i>Reality Testing</i>)</p> <p>Kebolehan mengesan dengan tepat dan memahami perasaan adalah bergantung kepada ketepatan ujian.</p>		

Rajah 2.2: Kecerdasan emosi dan sosial menurut Bar-On

Berdasarkan 15 komponen Bar-On tersebut, kecerdasan emosi dan sosial merupakan gabungan keseimbangan emosi, personaliti serta sosialisasi. Ini sedikit sebanyak mempengaruhi keupayaan dan keberkesanan dalam menghadapi kehendak dan tekanan semasa. Berdasarkan pendapat-pendapat pakar yang telah dijelaskan, pengkaji akan mengambil satu konsep kecerdasan emosi iaitu berdasarkan pendapat Salovey dan Mayer (1990) untuk dijadikan sumber dalam kajian ini. Ia akan meliputi kelima-lima domain yang telah dijelaskan sebelumnya.

2.4 Kajian berkaitan

Dalam sub topik kajian, pengkaji akan mengaitkan dengan faktor-faktor yang ingin dikaji terhadap kecerdasan emosi serta pendapat dari kajian orang lain berkaitan kecerdasan emosi.

2.4.1 Faktor jantina

Jantina memainkan peranan penting dalam segala hal. Sehubungan itu perbandingan antara lelaki dengan perempuan dalam mengekspresikan emosi dianggap berbeza. Ternyata minat pelajar untuk membaca dipengaruhi oleh jantainya. Contohnya, program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) yang diperkenalkan dapat dijadikan bukti. Pelajar lelaki didapati kurang berminat untuk membaca karya sastera termasuk cerpen dan novel. Ini menimbulkan tanda tanya kenapa hal ini harus terjadi. Dalam kajian ini faktor jantina akan dikaji untuk melihat sama ada terdapat perbezaan antara persepsi kecerdasan emosi pelajar berdasarkan lima domain iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan.

McEwen dan Stellar (1993) menyatakan bahawa jantina boleh mempengaruhi kecerdasan emosi. Menurutnya lagi, remaja lelaki lebih melibatkan diri dalam kegiatan gejala sosial jika dibandingkan dengan remaja perempuan. Jadi tidak hairanlah jika pelajar perempuan lebih cenderung menggunakan masa senggang dengan aktiviti membaca. Perempuan yang mempunyai tahap IQ yang tinggi walaupun berkeyakinan tinggi terhadap keintelektualan diri dan berani mencuba dengan gigih dalam bidang yang diceburi namun cenderung mengalami kebimbangan, rasa bersalah dan teragak-agak untuk menunjukkan kemarahan mereka secara terus terang apabila berlaku percanggahan pendapat.

Begitu juga dengan kajian oleh Bar-On (dalam Goleman 1998) terhadap 1000 individu lelaki dan perempuan. Secara puratanya responden perempuan lebih sedar tentang emosi mereka di mana ia menunjukkan lebih empati dan lebih cenderung dalam interpersonal. Manakala responden lelaki lebih berkeyakinan, optimis, lebih mudah menyesuaikan diri dan dapat menguruskan tekanan dengan lebih baik. Sementara itu kajian oleh Liew et al. (1999) mendapati 79.1% murid perempuan mempunyai kecerdasan emosi yang memuaskan apabila dibandingkan dengan murid-murid lelaki (65.6%). Kajian ini dilakukan ke atas murid-murid sekolah rendah. Walaupun mereka berada di sekolah rendah tetapi sudah menampakkan beberapa perbezaan dari segi jantina. Menurut Liew lagi, mereka yang mempunyai kecerdasan emosi yang memuaskan ini kerana dapat mengawal perasaan dan tindakan sendiri, mempunyai daya ketahanan yang tinggi serta mudah menjalin persahabatan dengan orang lain.

Kajian oleh Su Mee Nguk (2000) ke atas 38 pelajar perempuan dan 32 pelajar lelaki tingkatan empat menunjukkan terdapat perbezaan kecerdasan emosi. Ini menunjukkan emosi seseorang memang berubah dan mengikut jantina. Bagi Teh (2001), kajiannya menunjukkan min kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar perempuan (121.88) lebih tinggi berbanding pelajar lelaki (117.59). Apabila dilihat hasil-hasil yang telah didapati dari penyelidik lain menunjukkan terdapat perbezaan kecerdasan emosi antara lelaki dan perempuan. Bertepatan dengan kajian Multi-Health Systems (1997) ke atas 4,500 lelaki dan 3,200 perempuan di Kanada dan Amerika menunjukkan bahawa perempuan mempunyai hubungan interpersonal yang tinggi berbanding lelaki. Bagi lelaki pula mereka berkebolehan dalam mengendalikan tekanan emosi dengan lebih baik.

2.4.2 Faktor Aliran Pengajian

Dalam bidang pendidikan, pelajar boleh memilih sama ada mereka ingin memasuki aliran sains, sastera, perdagangan dan sebagainya. Ini bergantung kepada keputusan mereka di dalam peperiksaan. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat bagaimana persepsi pelajar terhadap kecerdasan emosi apabila dibandingkan dengan pelajar aliran sains dan sastera. Adakah terdapat perbezaan persepsi bagi pelajar dua aliran ini kerana dari pemerhatian pengkaji pelajar dari aliran yang berbeza biasanya mempunyai tanggapan yang berbeza juga tentang sesuatu perkara. Begitu juga dengan manusia yang mempunyai aliran pemikiran yang berbeza, mereka akan bertentangan pendapat apabila membincangkan tentang sesuatu perkara.

Satu kajian yang menunjukkan perbezaan antara aliran pengajian adalah kajian oleh Su (2000) ke atas 36 pelajar aliran sains dan 34 pelajar aliran sastera di Sekolah Menengah Bantuan St. Anthony, Sarikei Sarawak mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut aliran pengajian. Ini menunjukkan aliran pengajian memberi impak kepada kecerdasan emosi. Kajian Teh (2001) juga mendapati kecerdasan emosi pelajar adalah bergantung kepada aliran pengajian. Pelajar dari aliran yang berlainan mempunyai skor kecerdasan emosi yang berlainan juga. Ini menunjukkan aliran pengajian memberi kesan kepada pelajar.

2.4.3 Faktor Status Sosio Ekonomi (SSE) Keluarga

Dalam hal ini, pengkaji ingin melihat sama ada SSE keluarga mempengaruhi kecerdasan emosi atau sebaliknya. Goleman (1995) melaporkan hasil tingkah laku positif dalam kalangan pelajar berstatus sosio rendah dan pertengahan yang telah menyertai program pembelajaran sosial dan

emosi (SEL) di Amerika Syarikat. Hasilnya terdapat perbezaan antara pelajar yang menyertai program SEL berbanding pelajar di sekolah kawalan iaitu mereka lebih bertanggungjawab, lebih asertif, lebih sedia membantu, lebih mudah memahami orang lain, lebih prihatin dan mempunyai kemahiran resolusi yang tinggi.

Seterusnya kajian Teh (2001), menunjukkan hasil ujian korelasi tidak menunjukkan perkaitan yang signifikan antara SSE dengan kecerdasan emosi remaja ($r=0.02$, $p>0.05$). Ini memberi pengertian bahawa SSE tidak mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi remaja. Sebaliknya kajian Lempers et al. 1997 (dalam Teh) menyatakan bahawa tekanan ekonomi menyebabkan ibu kurang memberi tumpuan serta sokongan terhadap anak dan secara tidak langsung emosi anak akan tertekan. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara tekanan ekonomi dan kecerdasan emosi.


2.5 Kaitan EQ dengan Kreativiti

Kenapa EQ sangat penting dalam diri seseorang pelajar? Adakah pelajar mampu mengawal emosinya semasa bertindak? Apakah kaitan antara EQ dengan kreativiti? EQ adalah kebolehan individu berfikir secara positif, mengendalikan diri, bersemangat dan memiliki tenaga serta kemampuan memotivasikan diri daripada sebarang masalah yang wujud. (Larry R. Williams, 2002)

Contohnya, apabila seorang pelajar dimarahi oleh seorang guru biasanya pelajar itu akan berdendam, marah dan geram serta tidak tenteram. Ini menyebabkan pelajar tidak bermotivasi

untuk belajar dan sekali gus mengurangkan kreativitinya. Keadaan ini berbeza bagi pelajar yang belajar dalam suasana yang kondusif, ceria, tidak bosan, dan tidak dimarahi maka mereka lazimnya akan lebih terbuka dan kreatif.

Emosi yang stabil berlaku apabila seseorang berada dalam keadaan yang cukup selesa bagi membebaskan perasaannya untuk memanifestasikan sesuatu yang muncul dalam fikiran dan emosinya. Rajah di bawah menunjukkan kepintaran emosi (EQ) berkadar terus dengan kebolehan berkreativiti seseorang. Semakin tinggi tahap kestabilan emosi seseorang maka semakin tinggi tahap keupayaan untuk berkreativiti.



Rajah 2.3 : *Kestabilan emosi dan darjah kreativiti.* (Sumber: Larry R. Williams, 2002).

2.6 Kesimpulan

Kecerdasan emosi perlu diberi perhatian yang sewajarnya memandangkan ia semakin mendapat tempat dalam kalangan penyelidik dan masyarakat. Ini kerana kecerdasan emosi dapat diajar dan dipelajari, tetapi tidak pada IQ. Hal ini disebabkan seseorang yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan dapat mengawal dan mengendalikan sebarang urusan dengan lebih teratur dan hidup mereka akan lebih bermakna walaupun IQ-nya hanya sederhana. Dalam bab ini telah dijelaskan tentang kajian-kajian kecerdasan emosi yang telah dijalankan sama ada di dalam atau luar negara. Dalam bab ini juga telah dijelaskan dari faktor apakah kecerdasan emosi ingin dikaji. Ini kerana bidang pendidikan perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana ia berkaitan dengan perkembangan remaja terutama di peringkat menengah.

BAB III

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang kaedah dan reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan, instrumen kajian yang digunakan, kesahan dan kebolehpercayaan, kajian rintis, prosedur pengutipan data dan seterusnya penganalisan data. Usaha membentuk rangka kajian merupakan satu tatacara pengumpulan maklumat melalui perancangan yang kemas serta sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang wujud dalam kajian. Semua maklumat dikumpul serta dianggap tepat dan sesuai dalam kajian ini.

3.2 Reka bentuk penyelidikan

Kajian yang dijalankan adalah satu kajian tinjauan. Kaedah ini bersesuaian dengan tujuan kajian untuk melihat perkaitan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca pelajar tingkatan empat dan lima pelbagai aliran di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Anthony, Sarikei, Sarawak.

Menurut Mohd Majid Konting (2000), kajian tinjauan dapat menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku ke atas sekolah atau masyarakat. Menurut beliau lagi, kajian tinjauan ini dilakukan dengan tujuan membuat inferensi tentang populasi. Dalam kajian ini pengkaji ingin membuat inferensi ke atas pelajar-pelajar tentang kecerdasan emosi dan kaitan dengan minat membaca pelajar-pelajar.

3.3 Populasi dan Pensampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima pelbagai aliran di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Anthony. Populasi yang terlibat adalah seramai 280 orang pelajar terdiri daripada aliran sains dan aliran sastera. Pensampelan dibuat secara rawak melibatkan pelajar tingkatan empat dan lima daripada aliran sains dan aliran sastera. Pengkaji memilih sampel seramai 162 orang daripada 280 orang populasi pelajar tingkatan empat dan lima bagi kedua-dua aliran. Sampel seterusnya dibahagikan mengikut jantina. Seramai 81 responden lelaki dan 81 responden perempuan dipilih merangkumi kedua-dua tingkatan. (Krejcie & Morgan, 1970)

3.4 Instrumen

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A terdiri daripada maklumat biodata pelajar, manakala item-item bahagian B, dan C adalah berbentuk skala likert 5

peringkat digunakan untuk mengukur kecerdasan emosi untuk dikaitkan dengan minat membaca pelajar.

Bahagian A:

Terdiri dari 4 item tentang biodata atau latar belakang pelajar iaitu :

- a. Jantina
- b. Aliran pengajian
- c. SSE keluarga

Dalam kajian ini, pencapaian akademik seorang pelajar dirujuk kepada keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) sebelumnya. Pencapaian dalam konteks ini membawa maksud kemampuan pelajar untuk mendapat skor yang baik dalam peperiksaan yang didudukinya. Secara keseluruhannya, pemberian gred yang diskor dalam PMR iaitu : A=1, B=2, C=3, D=4, dan E=5. Purata dikira dengan mencampurkan jumlah markah yang dapat dan dibahagikan dengan bilangan subjek yang diambil. Min skor menjulat dari 1.0 hingga 5.0, kemudian min skor telah dikategorikan kepada tiga tahap iaitu Tinggi (3.31 hingga 5.0), Sederhana (1.71 hingga 3.30) manakala Rendah (1.00 hingga 1.70). Berikut ditunjukkan pencapaian akademik pelajar dalam bentuk jadual.

Jadual 3.1 : *Kecerdasan emosi pelajar berdasarkan skor min*

Min skor	Interpretasi
1.00 hingga 1.70	Rendah
1.71 hingga 3.30	Sederhana
3.31 hingga 5.00	Tinggi

(Sumber: Teh, 2001)

SSE keluarga pula telah dibahagikan kepada tiga kategori pendapatan iaitu :

- 1) Rendah (Kurang dari RM 1000)
- 2) Sederhana (RM 1000 hingga RM 3000)
- 3) Tinggi (RM 3000 ke atas)

Menurut Marimuthu (1983), status sosioekonomi atau kelas sosial sebagai indeks secara keseluruhan tentang latar belakang sosial, sama ada merujuk kepada pekerjaan sahaja atau gabungan antara pekerjaan, pendapatan dan taraf pendidikan bapa atau ketua keluarga. Maka dalam kajian ini pengkaji cuma mengklasifikasikan purata pendapatan keluarga sahaja sebagaimana pembahagian di atas.

Bahagian B :

Bahagian ini adalah soal selidik kecerdasan emosi diubahsuai daripada Teh (2001). Menurut Teh, soal selidik yang digunakan tersebut berdasarkan kepada Model Konseptual EQ Salovey dan Mayer (1990) yang meliputi domain mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendalikan perhubungan. Dalam kajiannya tentang 'Pengaruh kecerdasan emosi (EQ) dan amalan keibubapaan ibu terhadap EQ remaja', Teh telah menjalankan kajian terhadap pelajar tingkatan empat iaitu yang berumur 16 tahun yang telah disesuaikan dengan soal selidik kecerdasan emosi Schutte et al. Ujian kecerdasan emosi mempunyai 33 item yang terdiri daripada domain berikut :

1. Mengenali emosi sendiri (item B1.1 hingga B1.7)
2. Mengurus emosi sendiri (item B2.1 hingga B2.8)
3. Memotivasikan emosi negatif (item B3.1 hingga B3.5)
4. Mengenali emosi orang lain (item B4.1 hingga B4.7)
5. Mengendali perhubungan (item B5.1 hingga B5.6)

Pelajar dikehendaki menjawab setiap item berdasarkan lima kategori berdasarkan lima Skala

Likert iaitu :

1. Sangat Tidak Setuju (STS)
2. Tidak Setuju (TS)
3. Kurang Setuju (KS)
4. Setuju (S)
5. Sangat Setuju (SS)

Skor kecerdasan emosi dihitung dengan menjumlahkan skor-skor item bagi kesemua 33 item tersebut pada skala. Oleh itu, skor maksimum bagi kecerdasan emosi adalah sebanyak 165, manakala skor minimum pula ialah 33. Item yang bernombor B3.5, B4.1 dan B4.7 adalah item negatif yang perlu dikod semula iaitu 1=5, 2=4, 3=3, 4=2, dan 5=1. Skor untuk item negatif ini akan diterbalikkan seperti berikut :

1. Sangat Setuju (SS)
2. Setuju (S)
3. Kurang Setuju (KS)
4. Tidak Setuju (TS)
5. Sangat Tidak Setuju (STS)

Antara contoh item-item negatif adalah seperti berikut :

- a) Apabila menghadapi sesuatu masalah, saya berputus asa kerana saya percaya bahawa saya akan gagal (item B3.5).
- b) Saya berasa sukar untuk memahami mesej bukan lisan (non-verbal) orang lain (B4.1).
- c) Adalah sukar bagi diri saya untuk memahami perasaan orang lain (B4.7)

Bahagian C:

Item bahagian C diambil dan diubahsuai daripada sola selidik yang digunakan oleh Katni Kamsono Kibat dalam penyelidikan minat membaca ke atas masyarakat Melayu luar bandar di Selangor. Bahagian C bermula dengan item 34 hingga 53 adalah mengenai tahap minat

pembacaan akhbar, majalah, dan buku. Terdapat 20 kenyataan mengenai minat membaca yang dinyatakan secara positif dan negatif berdasarkan skala Likert seperti berikut:

1. Sangat Tidak Setuju (STS)
2. Tidak Setuju (TS)
3. Kurang Setuju (KS)
4. Setuju (S)
5. Sangat Setuju (SS)

Pelajar-pelajar dikehendaki membulatkan pilihan jawapan yang terbaik berdasarkan rangsangan sendiri di antara lima pilihan itu untuk kesemua dua puluh kenyataan. Dengan itu pelajar yang mempunyai skor yang tinggi akan mempunyai minat membaca yang tinggi juga. Nilai skor maksimum ialah 100 manakala nilai skor minimum ialah 20.

3.4.1 Pembolehubah Kajian

Dalam kajian ini terdapat dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas (tidak bersandar) dan. Pembolehubah bebas (tidak bersandar) dalam kajian ini ialah jantina, aliran pengajian, dan SSE keluarga. Pembolehubah bersandar pula ialah kecerdasan emosi pelajar yang diperoleh melalui instrumen yang digunakan oleh Teh (2001).

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesemua jawapan telah dikumpul dan dianalisis menggunakan prosedur statistik. Bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, pengkaji telah menggunakan program *Statistical*

package for Social Sciences (SPSS) versi 12.0. Bagi menguji kesahan item yang diambil Salovey dan Mayer (1990), pengkaji telah meminta pandangan pakar untuk pengesahan kedua. Memandangkan minat membaca menjadi skop kajian yang berkaitan bahasa maka pengkaji menggunakan Guru Kanan Bahasa untuk mengesahkan item berkenaan. Manakala hasil analisis menunjukkan nilai Alpha Cronbach (α) ialah .864. item yang digunakan menunjukkan nilai Alpha Cronbach melebihi nilai 0.6 maka item mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 3.2: *Kesahan dan kebolehpercayaan item*

Statistik Kebolehpercayaan		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha berasaskan Item Standard	Bilangan Item
.799	.879	53

3.6 Kajian Rintis

Sebaik sahaja instrumen ini selesai dibina, maka untuk langkah selanjutnya kajian rintis dijalankan untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan daripada instrumen tersebut, baik nilai kebolehpercayaan instrumen secara keseluruhan mahupun nilai kebolehpercayaan untuk setiap sub yang mewakili domain-domain kecerdasan emosi yang dikaji di dalam kajian ini. Melalui kajian rintis juga, kesesuaian dan ketepatan item serta format yang digunakan dapat dikenal pasti. (Mohd Majid Konting, 2000).

Bagi kajian ini, kajian rintis telah dibuat pada 30 April 2009 di Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Anthony, Sarikei. Bilangan paling minimum bagi menjalankan kajian rintis ialah seramai 30 orang responden. Walau bagaimanapun, penyelidik telah menggunakan seramai 60 orang pelajar tingkatan empat dan lima telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini iaitu 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk mengesahkan kefahaman responden terhadap item-item soal selidik dan menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik.

3.7 Prosedur pengutipan data

Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji telah mengikut prosedur-prosedur berikut:

- a) Mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia.
- b) Mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.
- c) Berjumpa dengan pengetua sekolah yang terlibat untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian.
- d) Memberikan taklimat ringkas kepada pelajar yang terpilih sebagai responden supaya mereka jelas tentang tujuan kajian ini dijalankan dan cara bagaimana menjawab soal selidik.

3.8 Analisis data

Bagi kajian ini, data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package For Social Science (SPSS)*. Data statistik yang digunakan untuk kajian ini dibahagikan kepada data deskriptif dan data inferensi. Bagi data deskriptif, analisis yang digunakan ialah frekuensi, peratus dan min bagi yang berkenaan. Manakala bagi data inferensi, analisis yang telah digunakan ialah ujian-t bebas, dan analisis korelasi Pearson.

3.8.1 Analisis Deskriptif

Analisis secara deskriptif iaitu akan memberi gambaran awal terhadap bilangan sampel, jantina, aliran pengajian, pencapaian akademik serta SSE keluarga. Selain itu analisis deskriptif meliputi min dan peratusan persepsi pelajar terhadap kecerdasan emosi berdasarkan item yang diutarakan oleh Salovey dan Mayer (1990).

3.8.2 Menguji Hipotesis

Bagi menguji hipotesis-hipotesis yang telah dibina, analisis statistik inferensi digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Dalam kajian ini akan dijelaskan tentang ujian-ujian yang akan digunakan bagi menguji hipotesis-hipotesis tersebut.

3.8.2.1 Korelasi Pearson

Dalam kajian ini, analisis korelasi digunakan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan antara dua pembolehubah, iaitu satu pembolehubah bebas dengan setiap pembolehubah bersandar (Alias 1999). Kekuatan hubungan ini ditunjukkan oleh koefisien korelasi, r . Arah hubungan sama ada positif atau negatif ditunjukkan oleh nilai r , dan diinterpretasi berdasarkan paras keertian 0.05. Hubungan positif menunjukkan bahawa sekiranya nilai pembolehubah bebas tinggi maka minat membaca pelajar adalah tinggi. Hubungan negatif menunjukkan bahawa sekiranya nilai pembolehubah bebas meningkat maka terjadi penurunan dalam minat membaca pelajar atau yang sebaliknya.

3.8.2.2 Ujian-t satu sampel

Ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan min antara dua kategori atau kumpulan pembolehubah bebas. Model yang digunakan bergantung sama ada sampel yang terlibat itu bersandar atau tidak. Jika sampel tidak bersandar, kita perlu terlebih dahulu menentukan sama ada varians kedua-dua sampel itu homogenus atau tidak homogenus. Ujian-t satu sampel digunakan untuk membuat perbandingan antara min sampel dengan min populasi. Pengkaji dikehendaki mengenal pasti nilai sig. (2 tailed). Nilai signifikan ujian-t satu sampel ialah $p < .05$ manakala nilai tidak signifikan ujian-t satu sampel pula ialah $p > .05$.

3.9 Kesimpulan

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan bertujuan untuk melihat perbezaan antara persepsi pelajar terhadap kecerdasan emosi berasaskan lima domain yang dilihat dari aspek jantina, aliran pengajian, dan SSE keluarga di kalangan pelajar. Sampel kajian terdiri dari pelajar tingkatan empat dan lima. Dua aliran pengajian telah diambil iaitu aliran Sains dan Sastera. Pencapaian akademik adalah berdasarkan keputusan PMR. Data dan maklumat pelajar didapati dari maklum balas terhadap soal selidik yang telah diedar dan ditadbir dengan bantuan seorang guru kaunseling. Tumpuan telah diberikan dalam proses pengumpulan dan penganalisan data. Alat kajian berupa soal selidik latar belakang pelajar dan ujian kecerdasan emosi. Seterusnya analisis data telah dijalankan secara statistik deskriptif dan statistik inferensi. Kemudian data diproses dengan menggunakan pakej SPSS versi 12.

Secara keseluruhan bab ini menjelaskan proses pengumpulan data kajian. Ianya lebih menumpukan kepada reka bentuk kajian, populasi dan pemilihan sampel kajian, penyediaan instrumen kajian, tatacara pengumpulan dan penganalisan data. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat tambahan kepada para guru dan ibu bapa dalam mengenal pasti sejauh mana minat membaca dipengaruhi oleh kecerdasan emosi seseorang pelajar.

BAB IV

HASIL DAPATAN

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini penyelidik akan menghuraikan mengenai profil peserta kajian, dapatan kajian, hasil analisis statistik yang didapatkan berasaskan persoalan-persoalan kajian yang telah dibina dalam bab pertama serta rumusan. Bahagian ini juga mengemukakan dapatan kajian tentang skor min dan sisihan piawai yang diperolehi oleh peserta kajian dalam setiap domain kecerdasan emosi yang dikaji. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada peserta kajian telah dianalisis dengan menggunakan SPSS-Windows Versi 12.0, seterusnya diolah dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu min dan peratus untuk setiap domain kecerdasan emosi.

Bab ini juga akan membentangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Anthony, Sarikei, Sarawak. Sebanyak 230 borang soal selidik telah diedarkan namun

bilangan yang lengkap adalah sebanyak 218 borang. Penyelidik telah memilih sebanyak 162 borang soal selidik yang dianalisis untuk mendapatkan hasil dapatan kajian berdasarkan sampel dan populasi yang telah ditetapkan dalam Krejcie & Morgan (1970) iaitu apabila populasi kajian seramai 280 orang maka responden atau sampel yang mewakili populasi tersebut ialah 162 orang.

Dapatan kajian ini dianalisis melalui program SPSS versi 12.0. Analisis data dilakukan bagi mendapatkan gambaran tentang tahap kecerdasan emosi dan hubungannya dengan minat membaca di samping melihat perbezaan kecerdasan emosi dari aspek jantina, aliran pengajian dan status sosioekonomi. Secara spesifiknya, korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan minat membaca dalam kalangan pelajar. Statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan median digunakan bagi menerangkan tahap kecerdasan emosi manakala statistik inferensi iaitu korelasi Pearson, ujian-t dan ANOVA sehala digunakan untuk melihat hubungan dan perbezaan signifikan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.. Manakala ujian-t pula digunakan untuk melihat perbezaan signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut jantina dan aliran pengajian. Seterusnya ANOVA sehala digunakan untuk melihat perbezaan signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut status sosioekonomi.

4.2 Profil Responden

Bahagian ini menjelaskan profil responden yang terlibat di dalam kajian ini. Profil responden kajian yang diambil kira ialah dari segi tingkatan, jantina, aliran pengajian, status sosioekonomi dan keputusan BM dalam PMR.

Kajian ini melibatkan 162 orang responden daripada 280 orang pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Anthony, Sarikei. Pelajar tingkatan 4 diwakili oleh 81 orang pelajar dan pelajar tingkatan 5 juga diwakili oleh 81 orang pelajar. Manakala mengikut peratusan didapati bahawa kedua-dua tingkatan mempunyai peratusan responden yang sama iaitu 50%. Oleh sebab kajian ini dijalankan pada sebuah sekolah sahaja maka kajian ini merupakan suatu kajian kes. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini hanya dapat digeneralisasikan kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 di sekolah berkenaan sahaja.

Jadual 4.1 *Bilangan responden mengikut tingkatan*

		Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Sah	TINGKATAN 4	81	50.0	50.0	50.0
	TINGKATAN 5	81	50.0	50.0	100.0
	Jumlah	162	100.0	100.0	

Profil jantina pula diwakili oleh 77 orang pelajar bagi lelaki manakala 85 orang pelajar mewakili responden perempuan. Bilangan responden yang tidak sama ini mewakili bilangan populasi pelajar tingkatan 4 dan 5 yang lebih didominasi oleh pelajar perempuan. Manakala dari segi peratusan pelajar perempuan mencatatkan peratus yang lebih tinggi iaitu 52.5% sedangkan pelajar lelaki mewakili 47.5% daripada keseluruhan responden.

Jadual 4.2 *Bilangan responden mengikut jantina pelajar*

		Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Sah	LELAKI	77	47.5	47.5	47.5
	PEREMPUAN	85	52.5	52.5	100.0
Jumlah		162	100.0	100.0	

Profil aliran pengajian pula didominasi oleh responden dari aliran sastera iaitu 100 orang pelajar manakala responden daripada aliran sains berjumlah 62 orang pelajar. Ketidakseimbangan ini disebabkan oleh kelas aliran sains keseluruhan ialah 6 kelas manakala kelas aliran sastera keseluruhan ialah 11 kelas. Maka responden daripada kedua-dua aliran ini mewakili bilangan populasi yang tidak sama mengikut aliran pengajian masing-masing. Manakala dari segi peratusan, pelajar daripada aliran sastera mencatatkan 61.7% dan pelajar dari aliran sains pula mencatatkan 38.3%.

Jadual 4.3 *Bilangan responden mengikut aliran pengajian*

		Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Sah	SAINS	62	38.3	38.3	38.3
	SASTERA	100	61.7	61.7	100.0
Jumlah		162	100.0	100.0	

Seterusnya, profil anggaran pendapatan pula dibahagikan kepada tiga kategori iaitu bawah RM1000, RM1001-RM3000, dan RM3000 ke atas. Seramai 76 orang pelajar mempunyai

anggaran pendapatan bawah RM1000. Manakala seramai 60 orang pelajar terdiri daripada keluarga yang mempunyai pendapatan antara RM1001-Rm3000. Seterusnya, 26 orang pelajar datang daripada latar belakang keluarga berada iaitu pendapatan lebih RM3000. Sehubungan itu, pelajar yang datang daripada keluarga berpendapatan bawah RM1000 mendominasi peratusan responden keseluruhan apabila mencatatkan 47% manakala responden yang datang daripada keluarga berpendapatan antara RM1001-RM3000 pula mencatatkan 37.0% dan responden daripada keluarga yang berpendapatan lebih RM3000 mencatatkan 16%.

Jadual 4.4 *Bilangan responden mengikut anggaran pendapatan keluarga*

		Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Sah	BAWAH RM 1000	76	47.0	46.9	46.9
	RM 1001-RM 3000	60	37.0	37.0	84.0
	RM 3000 KE ATAS	26	16.0	16.0	100.0
	Jumlah	162	100.0	100.0	

Profil keputusan peperiksaan mata pelajaran BM dalam peperiksaan PMR pula menunjukkan kebanyakan pelajar mencatatkan gred B iaitu 86 orang responden diikuti pelajar yang mendapat gred A iaitu seramai 46 orang. Seterusnya, pelajar yang mencatatkan gred C seramai 20 orang dan pelajar yang mencatatkan gred D diwakili oleh bilangan responden yang paling kecil iaitu 10 orang sahaja. Sebaliknya, bilangan responden ini jika diwakilkan berdasarkan peratusan pelajar yang mencatatkan gred B mengungguli peratusan responden terbesar iaitu 53.1%. Kemudian

diikuti oleh responden yang mencatatkan gred A iaitu 28.4%. Responden yang mendapat gred C pula menunjukkan 12.3% dan responden yang mendapat gred D untuk mata pelajaran BM dalam peperiksaan PMR ialah 6.2%.

Jadual 4.5 *Bilangan responden mengikut keputusan BM PMR*

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Sah				
A	46	28.4	28.4	28.4
B	86	53.1	53.1	81.5
C	20	12.3	12.3	93.8
D	10	6.2	6.2	100p.0
Jumlah	162	100.0	100.0	

4.3 Dapatan Kajian

Ho1: Tidak terdapat perbezaan min kecerdasan emosi pelajar

Nilai median telah digunakan untuk mengkategorikan tahap kecerdasan emosi tinggi dan rendah dalam kalangan responden pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5. Nilai median yang diperolehi ialah 3.70. Keputusan dalam Jadual 4.3.1 menunjukkan bahawa 50.62 % responden mempunyai tahap kecerdasan emosi rendah manakala 49.38 % responden mempunyai tahap kecerdasan emosi tinggi. Ini bermakna tidak begitu ketara perbezaan antara kedua-dua tahap tinggi dan rendah.

Jadual 4.6 Tahap kecerdasan emosi responden

Jenis	Tahap	Nilai Median	Frekuensi	Peratusan
Kecerdasan Emosi	Rendah	2.21 <3.70	82	50.62
	Tinggi	>3.70-4.64	80	49.38

Ho2: Tidak terdapat wujud hubungan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca pelajar

Jadual 4.7 menunjukkan kecerdasan emosi mempunyai hubungan positif yang signifikan ($r=.93$, $p <.01$) dengan minat membaca pelajar. Keputusan ini menunjukkan terdapat hubungan positif antara kecerdasan emosi dengan minat membaca pelajar. Keputusan kajian ini juga telah berjaya menolak hipotesis nul dan menerima hipotesis alternatif. Hubungan yang positif menunjukkan kecerdasan emosi yang tinggi menyebabkan minat membaca pelajar juga tinggi. Manakala kecerdasan emosi yang rendah menyebabkan minat membaca pelajar juga rendah. Kecerdasan emosi menunjukkan hubungan yang tinggi iaitu 0.93 terhadap minat membaca pelajar. Kecerdasan emosi menunjukkan nilai $r^2=0.86$. Ini menunjukkan kecerdasan emosi menyumbang sebanyak 86% varians kecerdasan emosi berhubung dengan varians minat membaca pelajar.

Jadual 4.7 Hubungan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca pelajar

	R	r ²	p
Skor kecerdasan emosi			
	.93**	0.86	0.00
Skor minat membaca pelajar			

Signifikan pada aras 0.01**(2 hujung)

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi antara jantina pelajar

Jadual 4.8 menunjukkan bahawa ujian-t satu sampel digunakan untuk membandingkan tahap kecerdasan emosi pelajar tingkatan 4 dan 5 yang terdiri daripada 162 orang (M=1.53, SD=0.50) dengan jantina pelajar. perbezaan kecerdasan emosi didapati signifikan secara statistik $t(161)=38.74$, $p<.05$. Keputusan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan jantina pelajar. Keputusan kajian ini juga telah berjaya menolak hipotesis nul dan menerima hipotesis alternatif. Dengan merujuk kepada statistik deskriptif, kita boleh membandingkan antara min sampel dengan min populasi tetapi oleh kerana min populasi tidak dinyatakan maka didapati perbezaan ini tidak signifikan. Akan tetapi, apabila dianalisis dengan statistik inferensi, keputusan kajian ini menunjukkan perbezaan skor ini adalah signifikan pada $p <.05$.

Jadual 4.8 Perbezaan kecerdasan emosi mengikut jantina pelajar

Pemboleh ubah	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Dk	Kebarangkalian 2 hujung
Jantina	1.53	0.50	38.74	161	0.00

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan aliran pengajian

Jadual 4.9 menunjukkan bahawa ujian-t satu sampel digunakan untuk membandingkan tahap kecerdasan emosi pelajar tingkatan 4 dan 5 yang terdiri daripada 162 orang ($M=1.62$, $SD=0.49$) dengan aliran pengajian. Perbezaan kecerdasan emosi didapati signifikan secara statistik $t(161)=42.22$, $p<.05$. Keputusan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan aliran pengajian iaitu aliran sains dan aliran sastera. Keputusan kajian ini juga telah berjaya menolak hipotesis nul dan menerima hipotesis alternatif. Dengan merujuk kepada statistik deskriptif, kita boleh membandingkan antara min sampel dengan min populasi tetapi oleh kerana min populasi tidak dinyatakan maka didapati perbezaan ini tidak signifikan. Akan tetapi, apabila dianalisis dengan statistik inferensi, keputusan kajian ini menunjukkan perbezaan skor ini adalah signifikan pada $p <.05$.

Jadual 4.9 Perbezaan kecerdasan emosi mengikut aliran pengajian

Pemboleh ubah	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Dk	Kebarangkalian 2 hujung
Aliran pengajian	1.62	0.49	42.22	161	0.00

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan anggaran pendapatan keluarga

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa ujian-t satu sampel digunakan untuk membandingkan tahap kecerdasan emosi pelajar tingkatan 4 dan 5 yang terdiri daripada 162 orang ($M=1.70$, $SD=0.73$) dengan anggaran pendapatan keluarga. Perbezaan kecerdasan emosi didapati signifikan secara statistik $t(161)=29.36$, $p<.05$. Keputusan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan anggaran pendapatan keluarga. Keputusan kajian ini juga telah berjaya menolak hipotesis nul dan menerima hipotesis alternatif. Dengan merujuk kepada statistik deskriptif, kita boleh membandingkan antara min sampel dengan min populasi tetapi oleh kerana min populasi tidak dinyatakan maka didapati perbezaan ini tidak signifikan. Akan tetapi, apabila dianalisis dengan statistik inferensi, keputusan kajian ini menunjukkan perbezaan skor ini adalah signifikan pada $p <.05$.

Jadual 4.10 Perbezaan kecerdasan emosi mengikut anggaran pendapatan keluarga

Pemboleh ubah	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Dk	Kebarangkalian 2 hujung
Anggaran pendapatan keluarga	1.70	0.73	29.36	161	0.00

4.4 Kesimpulan

Jadual 4.11 Rumusan hasil kajian mengikut hipotesis

	Hipotesis	Statistik	Hasil	Kesimpulan
Ho1	Tidak terdapat min kecerdasan emosi	Statisitk deskriptif	M=3.70	
Ho2	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca	Korelasi Pearson	r= 0.93 p<.01	Ditolak
Ho3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan jantina pelajar	Ujian-t sampel	t=38.74 p<.05	Ditolak
Ho4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan aliran pengajian	Ujian-t sampel	t=42.22 P<.05	Ditolak
Ho5	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan anggaran pendapatan keluarga	Ujian-t sampel	t=29.36 P<.05	Ditolak

Hasil dapatan kajian ini dapat dirumuskan berdasarkan jadual di atas di mana hipotesis-hipotesis kajian telah diuji. Sebanyak 5 hipotesis kajian telah diuji dan semua hipotesis nul tersebut telah

ditolak sebaliknya kajian ini menerima hipotesis alternatif. Keputusan kajian ini juga menunjukkan bilangan responden yang mempunyai tahap kecerdasan emosi tinggi adalah tidak berbeza dengan ketara daripada bilangan pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi rendah. Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan minat membaca pelajar. Seterusnya terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut jantina, aliran pengajian dan anggaran pendapatan keluarga.

BAB V

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini melibatkan rumusan daripada kajian yang telah dilakukan serta perbincangan dapatan-dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan terlebih dahulu dengan menguji beberapa hipotesis. Seterusnya disertakan juga kesimpulan dapatan kajian, implikasi, cadangan kajian lanjutan dan rumusan keseluruhannya.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran secara umum tentang tahap kecerdasan emosi pelajar. Fokus kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 di samping melihat perbezaan kecerdasan emosi dari aspek jantina, aliran pengajian dan anggaran pendapatan keluarga. Beberapa persoalan yang cuba dijawab di dalam kajian ini ialah:

1. Apakah tahap kecerdasan emosi pelajar ?
2. Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan minat membaca pelajar?
3. Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi antara jantina?
4. Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi dengan aliran pengajian?
5. Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi dengan anggaran pendapatan keluarga?

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk survei dengan menggunakan soal selidik Skala Likert 5 mata yang mengandungi 53 item. Kajian ini melibatkan responden seramai 162 orang untuk mewakili populasi responden seramai 280 orang daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 di sebuah sekolah sahaja. Data yang didapati kemudiannya diproses dengan menggunakan program SPSS bagi mendapatkan analisis statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan median manakala analisis statistik inferensinya iaitu korelasi Pearson dan ujian-t satu sampel.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Kecerdasan intelek (IQ) adalah antara siri kecerdasan yang paling tua dijadikan sasaran kajian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kemudian menyusul pula konsep kecerdasan pelbagai (MI). seterusnya barulah wujud kecerdasan emosi (EQ). Lantaran itu, penyelidik rasa terpenggil untuk meneruskan rentetan kajian berkaitan dengan EQ walaupun sudah ada pengkaji lain sebelum ini

yang sudah memulakan langkah penyelidikannya. Kesimpulannya, jika ada yang berpendapat bahawa kecerdasan intelek semata-mata adalah penentu kejayaan adalah satu pernyataan yang tidak tepat kerana kejayaan seseorang pelajar itu dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti MI dan EQ. Teori *Multiple Intelligence* (Gardner 1983) dan Teori Kecerdasan Emosi (Bar-On 1988; Mayer & Salovey 1990; Goleman 1995) adalah sebagai buktinya. Menurut teori-teori ini sesuatu kejayaan bukan hanya bergantung kepada kecerdasan intelek tetapi pada beberapa kecerdasan yang lain dan pengawalan emosi itu sendiri. Malahan menurut Goleman (1995) kecerdasan emosi adalah lebih berpengaruh daripada kecerdasan intelek di mana ia dapat memberi impak yang lebih mantap terhadap kejayaan seseorang pelajar tidak kira dalam aspek akademik atau bukan akademik.

Keputusan dapatan kajian menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi tinggi (49.38%) adalah hampir sama dengan bilangan pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi rendah (50.62%). Perbezaan antara 2 skor ini tidak banyak tetapi jurang ini menunjukkan emosi pelajar sudah tidak seimbang. Maka secara tidak langsung pelajar tidak dapat mengawal emosi apabila berhadapan dengan sesuatu perkara. Sepatutnya lebih ramai pelajar mempunyai kecerdasan emosi tinggi berbanding dengan kecerdasan emosi rendah. Keadaan ini adalah membimbangkan kerana kecerdasan emosi yang rendah adalah alamat bahawa pelajar sekarang mudah terjebak dalam tingkah laku devian atau tingkah laku yang menyimpang daripada norma biasa di sekolah. Malahan sekolah tidak lagi dianggap satu institusi yang dapat mendisiplinkan pelajar. Natijahnya, kesan daripada kecerdasan emosi yang rendah akan mempengaruhi minat pelajar untuk membaca apa sahaja bahan bacaan semakin kurang.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan minat membaca. Jika pelajar itu mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah maka minat untuk membaca akan berkurangan dan sebaliknya jika minat membaca bertambah disebabkan kecerdasan emosinya juga tinggi. Hubungan ini boleh diklasifikasikan sebagai hubungan secara positif. Ini menepati kebanyakan kajian yang dijalankan sebelum ini seperti Noriah et al.(2001), Teh (2001), Su (2000) dan Anderson (1992) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan minat membaca.

Menurut Living (1997a) yang menyatakan bahawa kecerdasan emosi dapat meningkatkan gred atau pencapaian pelajar. Tetapi untuk mendapat gred yang baik seseorang pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang luas maka salah satu sumber pengetahuan luas adalah daripada amalan membaca. Ini adalah kerana pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan berminat untuk mengetahui sesuatu perkara melalui pembacaan adalah lebih berkeyakinan diri. Tekanan ujian dan peperiksaan tidak membawa kesan yang banyak kepada mereka kerana mereka sudah bersedia dengan pengetahuan yang mantap. Mereka tahu bagaimana untuk membina keceriaan diri malahan mereka tidak dipengaruhi oleh tekanan yang diberikan oleh persekitaran. Mereka juga dapat bergaul dengan baik sama ada dengan guru atau dengan rakan mereka kerana mampu berkomunikasi dengan sopan dan matang.

Dapatan kajian seterusnya pula menunjukkan bahawa kecerdasan emosi adalah berbeza-beza bagi faktor demografi yang berlainan. Kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang

signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut jantina. Pendapat ini disokong oleh Su (2000), Dimitrovsky (2000), Goleman (dalam Dow 1999), Bar-On (dalam Goleman 1998), Hughes dan Dunn (1998). Manakala Roshiza (2002) di mana kajiannya mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan jantina dalam domain kecerdasan emosi.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di dalam kecerdasan emosi mengikut anggaran pendapatan keluarga. Pernyataan ini disokong oleh Kahl (dalam Jamali 1990), Lempers et al. (1997) dan Kohn (1997) mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut status sosioekonomi.

Kajian ini menunjukkan bahawa jantina, aliran pengajian dan anggaran pendapatan keluarga dapat menentukan tahap kecerdasan emosi seseorang. Faktor yang lebih penting yang dipercayai memberi kesan terhadap kecerdasan emosi seseorang anak adalah cara didikan ibu bapa itu sendiri. Ini adalah kerana cara didikan ibu bapa boleh memberi kesan kepada tingkahlaku anak di sekolah. Anak yang mempunyai emosi yang stabil sewaktu berada di sekolah datangnya daripada keluarga yang aman dan suasana kondusif di rumah. Menurut Glasgow et al. (dalam Anne 1997), cara didikan autoritatif akan menghasilkan remaja yang mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik. Ini adalah kerana ibu bapa autoritatif adalah tenang, bertanggungjawab, mampu untuk mengawal tingkahlaku anak dan dapat menggalakkan komunikasi.

Sebenarnya elemen emosi ini sepatutnya bukan sahaja diterapkan di dalam mata pelajaran literasi sahaja tetapi juga di dalam mata pelajaran sains dan teknikal kerana pembelajaran dalam semua subjek membolehkan pelajar berupaya mendominasi pemikiran dan bukannya pemikiran mendominasi tingkah laku sama ada positif atau negatif. Kualiti emosi dan perasaan membantu pelajar untuk melahirkan potensi yang terbaik di dalam kelas. Pelajar yang aversif dan berfikiran negatif tidak boleh menumpukan perhatian pada jangka masa yang lebih lama dibandingkan dengan pelajar yang lain.

Fokus yang perlu diutamakan dalam kajian ini ialah untuk mengenalpasti akan faktor-faktor utama yang menjadi penyebab kepada kecerdasan emosi. Menurut Goleman (1995), pengaruh keluarga terutamanya ibu bapa akan menentukan perkembangan kecerdasan emosi remaja. Anak-anak dianalogikan dengan maksud peribahasa “bapa borek anak rintik” kerana segala perlakuan yang dipertontonkan oleh ibu bapa kepada anak-anak nescaya anak-anak akan menirunya. Ibu bapa yang rendah tahap kecerdasan emosi sentiasa bertindak mengikut emosi tanpa mengambil kira kesan sampingan yang akan dibawa oleh tindakan melulu mereka. Oleh itu lahirlah individu yang tidak mahir untuk mengurus emosi sendiri.

Kebanyakan kajian menunjukkan pelajar daripada keluarga bermasalah akan melahirkan menghasilkan pelajar yang juga bermasalah contohnya mempunyai kecerdasan emosi yang rendah daripada segi emosi, akademik, tingkahlaku, cara berpakaian dan masalah sosial. Ketidakstabilan di rumah akan menyebabkan perasaan memberontak, takut, sukar dibawa berbincang dan tidak selamat yang sehingga perasaan tadi akan terbawa-bawa hingga ke sekolah

seterusnya mencetuskan pula masalah disiplin di sekolah. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar itu sukar untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka dan menyesuaikan diri dengan orang lain. Segala perlakuan yang negatif tidak akan mampu dimurnikan kerana biasanya pelajar sebegini akan memberontak atau melawan jika diganggu.

Di samping itu, faktor kognitif juga dikatakan mempengaruhi kecerdasan emosi. Menurut kajian Kendall et al. (1989) pelajar remaja juga menghadapi masalah psikologi akibat daripada faktor-faktor kognitif. Pelajar ini jika tidak dimotivasikan atau dibimbing akan memudaratkan gaya pemikirannya. Mereka akan berperasaan malu, mudah tersinggung dan mudah putus asa apabila menyedari bahawa mereka mempunyai keupayaan kognitif yang lemah. Menurut Wagne et al. (1995) masalah perkembangan kognitif yang lambat ini menyebabkan mereka mempunyai penghargaan sendiri yang rendah dan pesimis terhadap masa depan. Di samping itu mereka juga akan menghadapi masalah pergaulan kerana sering menganggap diri mereka serba kekurangan berbanding dengan orang lain kerana rasa rendah diri dan keyakinan diri langsung tiada.

Justeru itu, kita sebagai golongan terdahulu perlu merintis jalan membetulkan semua kekurangan yang telah dikenal pasti ini demi meledakkan potensi diri yang membuak-buak dalam jiwa pelajar. Oleh itu perlu ada usaha yang berterusan daripada pelbagai pihak terutamanya dari pihak ibu bapa, guru dan Kementerian Pelajaran untuk membentuk pelajar berkecerdasan emosi tinggi yang bercirikan kepada pelajar yang lebih berkeyakinan, pencapaian yang lebih baik,

esteem sendiri yang tinggi, kurangnya masalah tingkah laku, lebih optimistik, boleh mengendalikan emosi dengan lebih baik.

5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian

Persoalan-persoalan kajian yang berkaitan dengan hubungan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 dapat dijawab melalui dapatan kajian berikut:

5.4.1 Penentuan tahap kecerdasan emosi responden

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya bilangan pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi tinggi (49.38%) adalah hampir sama dengan bilangan pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi rendah (50.62%). Walaupun situasi ini tidak membimbangkan kerana yang mempunyai emosi rendah lebih tinggi berbanding pelajar yang mempunyai emosi tinggi tetapi situasi ini telah mempengaruhi minat membaca dalam kalangan pelajar kerana pelajar kecerdasan emosi tinggi lebih berminat untuk membaca berbanding sebaliknya.

5.4.2 Hubungan di antara kecerdasan emosi dengan minat membaca

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan minat membaca. Hasil kajian ini menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah ini berkorelasi secara positif iaitu jika emosi positif, pelajar berminat untuk membaca buku dan jika

emosi negatif, pelajar kurang berminat untuk membaca buku. Hasil kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh Noriah et al. (2001), Teh (2001), Su (2000), Reich (dalam Dow 1999), Living (1997a), Hearst (1996) dan Anderson (1992) di mana kajian mereka menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan minat membaca buku.

5.4.3 Perbezaan kecerdasan emosi dengan jantina

Hasil ujian-t satu sampel menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi antara pelajar lelaki dan perempuan. Pendapat ini disokong oleh Su (2000), Dimitrovsky (2000), Goleman (dalam Dow 1999), Bar-On (dalam Goleman 1998), Hughes et al. (1998), Multi Health Systems (1997), Hein (dalam MHS 1997), Lim (1997) dan Liew (1995) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut jantina. Manakala kajian Roshiza (2002) pula mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan jantina bagi semua domain kecerdasan emosi.

5.4.4 Perbezaan kecerdasan emosi mengikut aliran pengajian

Hasil ujian-t satu sampel menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut aliran pengajian. Keputusan kajian ini menunjukkan pelajar yang datang daripada aliran sains lebih cenderung untuk minat membaca disebabkan mereka mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi manakala pelajar yang datang daripada aliran sastera kurang berminat untuk membaca kerana kebanyakan mempunyai kecerdasan emosi yang rendah. Dapatan ini selaras dengan hasil kajian oleh Su (2000) di mana terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut aliran pengajian.

5.4.5 Perbezaan kecerdasan emosi dengan anggaran pendapatan keluarga

Melalui hasil ujian-t satu sampel menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan anggaran pendapatan keluarga. Pendapat ini selari dengan kajian oleh Lempers et al. (1997), Kohn (1997) dan Kahl (dalam Jamali 1990) yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut status sosioekonomi.

5.5 Implikasi Kajian

Kajian ini memberi gambaran yang jelas bahawa terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Anthony, Sarikei. Apabila bercakap soal kejayaan pelajar, kita tidak boleh melupakan peranan individu atau masyarakat sekeliling dalam menentukan tahap emosi yang dialami oleh pelajar. Walaupun begitu, keputusan terakhir sama ada ingin berjaya atau tidak terletak pada bahu pelajar itu sendiri. Walaupun pelajar itu sendiri bertanggungjawab ke atas kejayaannya tetapi tidak dapat dinafikan bahawa peranan orang yang signifikan dengan mereka seperti ibu bapa, adik beradik, guru dan rakan sebaya mempengaruhi kecerdasan emosi mereka seterusnya memberi kesan ke atas pencapaian akademik yang bertitik tolak daripada pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar.

Berdasarkan implikasi kajian ini, dikemukakan beberapa cadangan kepada individu dan komuniti di persekitaran iklim pelajar untuk sama-sama membentuk jati diri pelajar yang mempunyai daya

tahan dalam aspek emosi agar dapat merealisasikan modal insan yang berhati waja dan berkebolehan menyesuaikan diri dalam apa jua situasi sama ada dalam tekanan atau situasi biasa.

5.5.1 Pihak ibu bapa

Ibu bapa perlu sedar bahawa anak-anak adalah tanggungjawab dan amanah yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia. Maka ibu bapa yang lalai menjaga anak-anak adalah individu yang tidak memegang amanah Tuhan. Lantaran itu, ibu bapa perlu mengajar kemahiran emosi kepada anak-anak sejak kecil lagi. Ibu bapa turut perlu menggunakan pendekatan berhemah untuk membentuk emosi anak-anak memandangkan emosi anak-anak zaman pascamerdeka mudah tercedera. Ibu bapa perlu membantu anak-anak mereka memperkembangkan potensi diri, meningkatkan minat dan memberi pengukuhan terhadap personaliti dan nilai diri mereka. Walaupun hambatan teknologi semakin deras tetapi itu tidak boleh mempengaruhi ibu bapa meletakkan kebendaan sebagai unsur yang akan membahagiakan keluarga. Ibu bapa semestinya meluangkan masa menemani anak seperti menemani anak membaca, menyediakan bahan bacaan yang terbaik buat anak-anak dan sebagainya. Ini semua boleh dilakukan dengan asas kasih sayang yang mendalam dan berkekalan yang didapati mempunyai kesan positif terhadap konsep sendiri dan pengubahsuaian emosi (Sroufe et al. 1983).

Ibu bapa juga perlu pandai menguruskan stres yang dialami dan jangan sesekali menunjukkan ketegangan yang dialami di hadapan anak-anak kerana anak-anak akan belajar melalui pemerhatian dan model. Kajian menunjukkan pelajar daripada keluarga bermasalah akan menunjukkan tanda-tanda kecerdasan emosi yang rendah daripada segi emosi, akademik, tingkah laku dan masalah sosial. Ketidakstabilan di rumah akan menyebabkan perasaan takut dan tidak

selamat yang terbawa-bawa hingga ke sekolah. Keadaan ini menyebabkan pelajar itu sukar untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka dan menyesuaikan diri dengan orang lain. Ibu bapa perlu menjelaskan sebab dan akibat dari setiap tindakan dalam tingkah laku anak-anak mereka. Ibu bapa yang banyak berinteraksi secara dua hala dapat memberikan rangsangan, galakan, pujian dan juga menjalin hubungan kasih sayang serta kemesraan dengan anak.

Keperluan intrinsik sebegini amat diperlukan oleh anak-anak agar mereka mudah merasa akan kehadiran mereka dalam keluarga itu amat dihargai. Melalui hubungan yang mesra ini anak-anak akan merasa selamat, dipunyai, dihargai dan dikasihi. Ini dapat meningkatkan kecerdasan emosi mereka. Oleh itu menjadi tanggungjawab ibu bapa mendidik anak mereka dengan didikan agama yang sempurna merangkumi keperluan duniawi dan ukhrawi. Di sini dapat dianalogikan bahawa pertalian ibu bapa dan anak yang membina akan memberi kesan positif terhadap tahap kecerdasan emosi anak.

5.5.2 Pihak guru

Guru merupakan ibu bapa kedua kepada pelajar dan guru adalah individu yang banyak meluangkan masa dalam satu-satu hari pengajaran. Justeru itu, guru perlu membantu pelajar menghadapi beberapa kemungkinan yang mampu menjejaskan emosi pelajar dengan menggunakan beberapa kemahiran yang melibatkan kecerdasan emosi pelajar itu sendiri seperti kemahiran menyelesaikan sesuatu konflik dan kemahiran dalam kawalan diri. Guru perlu sentiasa menasihati pelajar agar jangan mudah baran apabila menghadapi sesuatu situasi. Guru juga perlu membimbing pelajar untuk mengenali tentang kehidupan dan tentang diri mereka

sendiri di samping membantu meningkatkan pencapaian akademik. Menurut Goleman (dalam Dow 1999) adalah penting untuk kanak-kanak belajar kemahiran kecerdasan emosi seperti pelajaran biasa. Ini memberi kanak-kanak peluang untuk belajar bagaimana mengurus tekanan, mengawal kemarahan dan bekerjasama dengan orang lain. Penting bagi guru itu sendiri menjadi contoh yang baik kepada pelajar serta mempunyai kemahiran untuk memahami komunikasi 'non-verbal'.

Dalam profesion perguruan, guru sepatutnya mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Guru juga perlu menunjukkan tingkah laku positif di hadapan pelajar kerana imej guru akan jatuh seandainya guru tersebut bercakap tentang kawalan emosi tetapi diri sendiri gagal untuk melaksanakan seperti apa yang telah dijanjikan. Ini adalah kerana menurut Goleman (1995) guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mampu menyelesaikan masalah pelajar yang bermasalah kerana guru tersebut mempunyai empati dan kemahiran bersosial yang baik. Menurut Stufft (1996) pula guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi berkebolehan menjadi contoh kepada pelajar, dapat mengurus kelas dengan baik di samping menyelami emosi pelajar-pelajarnya. Guru perlu mengembangkan kecerdasan emosi dan kemahiran bersosial pelajar mereka. Pembelajaran secara koperatif adalah salah satu cara untuk melibatkan pelajar bekerjasama di dalam satu kumpulan. Apabila pelajar mengambil bahagian di dalam aktiviti berkumpulan, kemahiran sosial mereka akan meningkat dan mereka dapat melengkapkan diri untuk bekerja secara kolaboratif dan koperatif. Ini akan mengembangkan kecerdasan emosi mereka seterusnya meningkatkan motivasi dan keupayaan mereka bagi mengendalikan perhubungan yang pelbagai. Seterusnya menurut Elias et al. (1997) apabila sekolah (guru) mengajar dan mengawal kecerdasan emosi pelajar, maka masalah disiplin merosot dan

pencapaian akademik meningkat kesan daripada minat membaca yang menjana tabungan pengetahuan dalam minda pelajar. Pentingnya guru mengajar kemahiran emosi dan sosial di sekolah kerana ia mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Menurut Elias et al. (1991) mengajar kemahiran ini dapat mempengaruhi pencapaian akademik secara positif bukan sahaja pada masa itu tetapi juga untuk kegunaan pada masa akan datang. Menurut Evans (1997) mengajar kemahiran sosial dan emosi di dalam pelbagai budaya boleh membantu pelajar berhubung di antara satu sama lain dalam usaha mereka untuk melahirkan interpersonal, intrapersonal dan kecerdasan emosi. Ini adalah kerana kecerdasan ini adalah penting untuk personal yang sempurna.

5.5.3 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia

Pihak Kementerian Pelajaran sebagai pemegang taruhan yang bertindak membina asas kurikulum sekolah yang dapat menyatukan emosi dan pembelajaran kognitif bagi membentuk pelajar yang dapat menguruskan konflik, dapat melahirkan perasaan, hidup dengan rasa hormat, dan bertanggungjawab. Menurut laporan oleh *Six Seconds Non-Profit Organization*, kurikulum ini telah diperkenalkan di luar negara yang melibatkan 54 pembelajaran dalam program kursus 2 tahun yang membina kecerdasan emosi dan seterusnya dapat mencegah kekejaman. Bagi membina emosi dan rohani pelajar, penerapan nilai-nilai murni sahaja tidak mencukupi dalam pembentukan akhlak yang baik. Dari sukatan pelajaran yang sedia ada, didapati tidak terdapat satu kurikulum yang benar-benar mengajar perkembangan emosi pelajar. Kajian lanjutan penting dan perlu dijalankan di sekolah oleh pihak Kementerian Pelajaran ke arah memantapkan pelajar-pelajarnya ke arah membina pelajar yang seimbang dari segi JERI (jasmani, emosi, rohani dan intelek). Memandangkan kecerdasan emosi menjadi faktor yang kritikal dalam

mempertingkatkan pencapaian akademik maka wajarlah bagi pihak Kementerian Pelajaran memperkenalkan sukatan pelajaran yang dapat mengembangkan dan meningkatkan faktor-faktor afektif seperti kecerdasan emosi sebagai prasyarat ke arah kejayaan dalam akademik dan vokasional sebagaimana yang dicadangkan oleh Reiff et al. (2001). emosi yang betul.

5.5.4 Rakan sebaya

Rakan sebaya juga salah satu komuniti yang penting dalam membentuk emosi rakan terutama dalam usia menginjak remaja, pelajar lebih cenderung dan mudah menerima pengaruh daripada rakan sebaya dengan beranggapan bahawa rakan sebaya adalah satu-satu mentor yang hampir dengannya dan betul-betul sehaluan dengan pemikirannya. Rakan sebaya juga memainkan peranan yang penting di dalam perkembangan kecerdasan emosi seseorang pelajar itu. Menurut Anna (2000) pertalian rakan sebaya yang positif didapati mempunyai korelasi dengan perkembangan sosial yang positif dan kesihatan mental dalam tempoh jangka panjang. Tindakan mewujudkan Pasukan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di sekolah yang dilatih untuk menjadi pembimbing kepada rakan-rakan yang bermasalah sama ada dari segi akademik, sosial dan emosi. Mereka ini boleh dijadikan sebagai pembantu dalam bilik bimbingan dan kaunseling.

5.5.5 Pihak kaunselor sekolah

Kaunselor dilihat sebagai seorang profesional yang boleh dipercayai dan diharap di mana kaunselor digambarkan sebagai seorang yang terlatih, lebih matang dan berpengetahuan khusus dalam bidang pembentukan sikap dan tingkah laku pelajar. Melalui proses perhubungan

kaunseling biasanya dapat membantu seseorang pelajar yang bermasalah atau pelajar yang memerlukan bimbingan apabila menghadapi sesuatu kemungkinan dengan melakukan pengluahan sendiri. Binggi (dalam Zuria Mahmud 2000) menyatakan bahawa klien akan lebih mudah melakukan pengluahan sendiri kepada kaunselor yang mesra dan aktif dalam proses hubungan. Remaja sekarang hidup dalam masyarakat yang bertamadun tinggi dan berkembang pesat dari segi intelek. Mereka dibebani dengan buku teks, ujian, gred, skor ujian dan pencapaian ujian. Situasi ini mengundang bebanan yang mungkin tidak tertanggung oleh sesetengah pelajar. Dalam situasi inilah kehadiran kaunselor amat diperlukan. Keadaan ini memerlukan panduan dan bimbingan daripada kaunselor untuk mendapat bimbingan akademik seperti belajar secara berkesan, bijak menguruskan masa, cara mengambil nota yang baik, mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan pendapat di dalam kelas dan semua aspek-aspek yang berkaitan dengan akademik. Jika aspek-aspek ini dapat dikendalikan oleh pelajar dengan baik, mereka tidak akan merasa bimbang di dalam pembelajaran mereka.

Menurut Chiam (1976), pelajar yang sangat takut dan bimbang akan gagal di dalam pelajaran. Sebaliknya bagi seseorang yang bijaksana, mereka boleh mendapat keputusan yang baik dan melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi untuk perkembangan kognitif yang lebih tinggi dan semua ini hanya boleh tercapai melalui *emotional brain*. Pihak kaunselor boleh mengadakan program-program yang meningkatkan kecerdasan emosi pelajar secara berurutan supaya ada kesinambungan yang lebih berkesan bagi menyedarkan pelajar. Pelajar perlu sedar bahawa ciri kecerdasan emosi yang rendah seperti mempunyai esteem sendiri yang rendah, tidak bermotivasi, tidak pandai bergaul dengan rakan sebaya dan lemah di dalam pencapaian akademik

perlu dikikis seterusnya meningkatkan motivasi diri. Kesan daripada kecerdasan emosi yang tinggi membantu penzahiran minat pelajar untuk membaca apa sahaja bahan bacaan.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji impak emosi terhadap aspek lain dalam kehidupan pelajar. Kajian ini merupakan usaha penyelidik untuk meninjau tentang hubungan kecerdasan emosi dengan minat membaca pelajar. Walaupun kajian berkaitan kecerdasan emosi sudah banyak dijalankan tetapi penyelidik menggunakan pemboleh ubah lain iaitu minat membaca sebagai aspek yang dipengaruhi oleh kecerdasan emosi yang dialami oleh pelajar. Memandangkan kajian ini mempunyai beberapa batasan kajian, maka pengkaji ingin mencadangkan beberapa kajian lanjutan:

- a. Kajian ini adalah terhadap kepada pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 di sebuah sekolah sahaja iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan St. Anthony, Sarikei. Ini bermakna kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar tingkatan 4 dan 5 dalam bahagian Sarikei tetapi hanya boleh digeneralisasikan kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 di sekolah tersebut sahaja. Oleh itu cadangan kajian lanjutan boleh dijalankan oleh penyelidik seterusnya dengan melibatkan pelajar tingkatan 4 dan 5 di sekolah-sekolah menengah lain di kawasan itu dan juga kawasan lain di negara ini.

- b. Sekolah yang terlibat adalah jenis sekolah harian biasa sahaja. Oleh itu kajian lanjutan dicadangkan kepada sekolah berasrama penuh, sekolah vokasional, sekolah teknik dan sekolah menengah khas agar dapat dibuat perbandingan dari aspek yang ingin dikaji.
- c. Pembolehubah demografi dalam kajian ini hanya terhad kepada jantina, aliran pengajian dan anggaran pendapatan keluarga sahaja. Dicapangkan agar penyelidik seterusnya menggunakan pembolehubah seperti faktor motivasi, sikap, gaya asuhan ibu bapa dan etnik bagi kajian lanjutan.
- d. Kaedah temubual juga boleh digunakan jika bilangan responden adalah sedikit. Malahan penyelidik boleh juga menggunakan kaedah campuran seperti kaedah kauntitatif dan kaedah kualitatif. Ini boleh dijalankan untuk mendapat gambaran yang lengkap tentang apa yang ingin diperhatikan dan menggambarkan sejelas-jelasnya apakah pengalaman yang dilalui oleh responden.
- e. Kajian lanjutan boleh dilakukan ke atas pelajar-pelajar dari keluarga ibu tunggal atau bapa tunggal kerana emosi atau sensitiviti anak-anak dari keluarga tunggal adalah berbeza daripada anak-anak keluarga biasa.

5.7 Kesimpulan

Dapatan kajian keseluruhannya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 dan kajian ini juga telah menepati teori yang dikemukakan oleh pakar kecerdasan emosi seperti Salovey & Mayer kerana emosi yang terganggu akan mengubah tingkah laku sama ada secara sedar atau tidak. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan

emosi mengikut jantina, aliran pengajian, dan anggaran pendapatan keluarga. Memandangkan pentingnya kecerdasan emosi di dalam kehidupan maka semua pihak termasuk ibu bapa, guru, rakan sebaya dan Kementerian Pelajaran perlu berganding bahu membantu memperkembangkan elemen ini agar dapat diaplikasikan di dalam kehidupan seharian. Pelaksanaan daripada pelbagai pihak inilah yang menentukan kejayaan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang seimbang dan harmonis dalam aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI).

Kesimpulannya minat membaca amat dipengaruhi oleh emosi seseorang pelajar. Jika emosi pelajar stabil maka minat membaca akan meningkat dan sebaliknya. Kerajaan dan pihak NGO berperanan meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat dengan kepentingan ibu bapa dan persekitaran dalam meningkatkan minat membaca pelajar. Kesedaran ini adalah penting dalam menyedarkan ibu bapa bahawa usaha kecil yang mereka sumbang hari ini akan memberi kesan yang besar kepada kehidupan anak mereka akan datang. Pembentukan generasi muda yang berminat untuk membaca perlukan bimbingan dan pemantauan orang lebih dewasa demi memastikan kelangsungan minat seterusnya menjadi tabiat positif dalam diri pelajar.

Untuk mewujudkan kecemerlangan pendidikan, sesuai dengan wawasan 2020 dan selaras dengan PIPP maka untuk mewujudkan hasrat yang sedemikian besar itu, semua pihak yang terkait dengan pendidikan, perlu memikirkan satu formula dan mengambil berat tentang bagaimana untuk meningkatkan kualiti emosi pelajar demi menjamin usaha memupuk minat membaca tercapai kerana penyelidikan terdahulu telah banyak membuktikan bahawa kecerdasan emosi sangat berperanan penting dalam meraih sesebuah kejayaan.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahman Abdullah. (2001). *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*. Penerbit: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Allen F. Harrison & Robert M. Bramson. (2002). *The art of thinking*. New York: Berkley Books.

Anderson, B.E. (1992). Effects of daycare on cognitive and socio-emotional competence of thirteen-year-old Swedish children. *Child development*. **63**: 520-536.

Anna Christina Abdullah. (2000). *Penilaian perkembangan kanak-kanak*. Seminar Pendidikan Awal Kanak-kanak. USM, Nov 2000.

Bar-On, R., Parker, J.D.A. (2000). *The handbook of emotional intelligence : Theory, development, assesment, and application at home, school, and in the workplace*. San Francisco : Jossey-Bass.

Berita Minggu. 2009. 12 April.

Berita Minggu. 2009. 19 April.

Bülent Yilmaz. (2000). Reading and library usage habits of the students whose mother tongue is Turkish in Vienna, Austria. *66th IFLA Council and General Conference Jerusalem, Israel*.

- Chiam, H.K. (1976) . *A study of the self concepts of form IV students in an urban area and some of its correlates*. Ph.D Thesis 1976, 5-17, 105.
- Dimitrovsky, L., Spector, H., & Levy-Shiff, R. (2000). Stimulus gender and emotional difficulty level. Their effect on recognition of facial expressions of affect in children with and without learning disabilities. *Journal Of Learning Disabilities*. 33 (5): 410-416.
- Elias, M. J., Zinns, J.E. Weisberg, R.P., Frey, K.S. Greenberg, M.T., Hanes, N.M., Kessler, R., Schwabb-Stone, M.E. & Shriver, T.P. (1997). *Promoting social and emotional learning: guidelines for educators*. Alexandria, VA: ASCD.
- Elias , M.J., Bruene-Butler, L., Blum, L. & Schuyler, T. (1997). Social and emotional learning program. *Educational Leadership*, 54 (8): 15-19.
- Elias, M. J., Gara, M., Schuyler, T., Brandon-Muller, L. R., & Sayette, M. A. (1991). The promotion of social competence: longitudinal study of a preventive school-based program. *American Journal of Orthopsychiatry*. 61(3): 409-417.
- Elias, M. Tobias, S., & Frielander,B. (1999). *Emotionally intelligent parenting*. New York: Harmony Books.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind*. London: William Heiemann Ltd.
- Goleman, D. (1998). *Working with emotional intelligence*. New York : Bantam Books.

Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York:

Bantam Books.

Goleman, D. (2001). *An EI-based theory of performance*. In Cherniss, C. & Goleman, D.

(Eds). *The emotionally intelligent workplace : how to select for, measure, and*

improve emotional intelligence in individuals, groups, and organizations. San

Francisco : Josse-Bass.

Gray, J. (1999). *Children Are From Heavens*. New York: Mars Productions, Inc.

Halijah Nordin. (2001). Hubungan antara ikatan keibubapaan dengan tingkah laku delinkuen

remaja. *Jurnal Perkama* 9.

Harian Metro. 2003. 26 Oktober.

Jabatan Statistik Negara 2008

Katni Kamsono Kibat. (1978). *Reading Habits and Interests of Rural Malays: A*

Methodological Study of Printed Media Exposure in The Rural Areas of Selangor.

Dissertation. University of Pittsburgh.

Kendall, D.P., Catwell, D.P., Kazdin, A.E. (1989) . *Depression in children*

and adolescents: Assesment Issues and Recommendations, *Cog, Ther,*

Res. 13: 109-146.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities.

Educations and Psychological Measurement, 30, 607-610.

Larry R. Williams. (2002). *8 Windows 2 Creative Thinking*. Kuala Lumpur: Times Books

International.

Lester D. & Alice. (1984). *Psikologi Pendidikan. Terj. Z. Kasijan*. Surabaya: PT. Bina Ilmu.

Liew, P.G.S., Gan, T.H., & Sia, P.W. (1999). *Tahap kecerdasan emosi murid-murid Tahun*

Lima di kawasan Miri. Retrieved Januari 18 2009 from

<http://www2.moe.gov.my/~mpsmiri/leqnew.html>

Lim, J. (1997). You are smarter than you think. *Female*, Januari : 30-34.

Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar psikologi : Satu pengenalan asas kepada jiwa*

dan tingkah laku manusia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marimuthu, T. (1983). *Social class and other correlative of educability : a review of research*

Dlm. Khoo Phon Sai (pnyt.). Fikiran-fikiran mengenai pendidikan di Malaysia. Hlm.

65-67. Fakulti Pendidikan Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mayer, J.D. & Salovey, P. (1993). The intelligence of emotional intelligence. *Intelligence*

17(4): 433-442.

Mayer, J.D., Caruso, D.R. & Salovey, P. (1999). Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. Retrieved Januari 18 2009 from <http://www.eqi.org/fulltxt1.htm>

Maznah Baba & Siti Nor Yaacob. (2002). *Keibubapaan anak remaja. Dalam Jayaletchumi Mottan, et al. (Ed.), Keluarga dan keibubapaan*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mc Ewen & Stellar, E. (1993). Stress and the individual : Mechanism leading to disease. *Archives of Internal Medicine*, 153.

Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noraini Ahmad. (2000). *Kaunseling remaja*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Noriah Mohd Ishak, Siti Rahayah Ariffin, Zuria Mahmud, Saemah Rahman & Manisah Mohd Ali. (2001). *Performance and emotional intelligence: A Correlational study among Malaysian adolescence*. Paper presented in Learning- Conference 2001. Speteses, Greece, 10-12 Ogos.

Omardin Ashaari. (1996). *Pengurusan sekolah suatu panduan lengkap*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Peng, Samuel S. (1993). Fostering Student Discipline and Effort: Approaches Used in Chinese School. *Kertas Konferens yang dibentangkan di Mesyuarat Tahunan 'American Educational Research Association'*.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2000). Statistik perpustakaan negara. Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2006). Panduan membudayakan membaca bersama keluarga. Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Reiff, H. B., Hatzes, N.M., Bramel, M.H. & Gibbon, T. 2001. The relation of learning disabilities and gender with emotional intelligence in College Students. *Journal Of Learning Disabilities*. 34(1): 66-78.
- Robert Cooper & Ayman Sawaf . (1999). Retrieved Januari 20 2009 from <http://www.feel.org/>
- Salovey, P. & Mayer, J.D. (1990). Emotional intelligence, imagination, cognition & personality 9 : 185 - 211.
- Su Mee Nguk. (2000). Hubungan antara emotional intelligence / quotient (EQ) dengan pencapaian akademik, jantina dan aliran pengajian pelajar tingkatan 4. *Latihan Ilmiah* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Taufik, P. (2003). *Revolusi IQ dan EQ*. Bandung: Kaifa

Teh Fui Khim. (2001). Pengaruh kecerdasan emosi (EQ) dan amalan keibubapaan ibu terhadap EQ remaja. Tesis Sarjana Universiti Putra Malaysia.

Uma Sekaran. (2002). *Research methods for business: A skillbuilding approach (3rd. ed)*, New York. John Wiley.

Vitesse, S. (1999). Retrieved Januari 20 2009 from [http://www. feel.org/](http://www.feel.org/)

Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu. (2003). *Analisis data berkomputer : SPSS 11.5 for windows*. Kuala Lumpur : Venton Publishing (M) Sdn Bhd.

Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som. (2001). *Analisis data menggunakan SPSS Windows*. Skudai Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Zuria Mahmud. 2000. Pendedahan sendiri dan kesejahteraan hidup.tinjauan literatur terhadap konsep pendedahan sendiri dalam hubungan persahabatan, kekeluargaan dan kaunseling. *Prosiding Seminar Psikologi- Psima-2000*. Bangi: Persatuan Psikologi Malaysia.

1.Sangat Tidak Setuju


2.Tidak Setuju

3.Kurang Setuju

4.Setuju

5.Sangat Setuju

LAMPIRAN A



Pelajar-pelajar yang dikasihi sekalian,

Soal selidik ini bukanlah satu ujian. Ianya hanya satu kajian untuk melihat hubungan antara kecerdasan emosi dengan minat membaca dalam kalangan pelajar.

Anda tidak perlu menulis nama anda. **Anda hanya diminta menjawab setiap soalan yang disediakan ini secara teliti, jujur dan ikhlas.** Tidak ada orang lain yang akan mempengaruhi perasaan dan pendapat anda. Tiada satu jawapan yang betul ataupun salah. Anda diberi kebebasan untuk memilih mana-mana jawapan yang begitu sesuai dengan diri anda.

Segala jawapan yang diberikan adalah dirahsiakan dan maklumat yang diperolehi hanya sebagai kajian akademik sahaja.

Segala kerjasama anda, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dan selamat menjawab.

Saya yang benar,

MOHD BAHARUDDIN BIN HAJI MOHAMAD ZIN
Program Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)
Fakulti Pendidikan, Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia,
Sintok, Oktober 2009

1.Sangat Tidak Setuju

2.Tidak Setuju

3.Kurang Setuju

4.Setuju

5.Sangat Setuju

BAHAGIAN A

LAMPIRAN B

Arahan: Sila tandakan di dalam kotak yang disediakan.

Tingkatan 4 :

Tingkatan 5 :

1) Jantina: Lelaki
Perempuan

2) Aliran pengajian: Sains
Sastera

3) Anggaran Pendapatan keluarga

Bawah RM 1,000
RM 1,000 - 3,000
RM 3,000 ke atas

4) Keputusan peperiksaan Bahasa Malaysia PMR 2007 (bagi pelajar tingkatan 5)

5) Keputusan peperiksaan Bahasa Malaysia PMR 2008 (bagi pelajar tingkatan 4)

BAHAGIAN B

Arahan :

Sila baca dengan teliti dan fahamkan ayat / kenyataan yang diberikan. Kemudian bulatkan jawapan yang paling menepati diri anda. Sila jawab dengan jujur dan apa-apa maklumat akan dirahsiakan, hanya untuk kegunaan penyelidik sahaja. **Pastikan anda menjawab semua soalan.**

Skala yang diberikan adalah seperti berikut :

1.Sangat Tidak Setuju 2.Tidak Setuju 3.Kurang Setuju 4.Setuju 5.Sangat Setuju

Bahagian B(1) – MENGENALI EMOSI SENDIRI

- | | | | | | |
|--|---|---|---|---|---|
| 1) Saya dapat menceritakan masalah peribadi saya kepada orang lain pada masa yang sesuai. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2) Apabila menghadapi masalah, saya teringat masalah yang hampir sama yang pernah saya hadapi dan mengatasinya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3) Sesetengah peristiwa dalam hidup saya telah membimbing saya menilai semula apa yang penting dan apa yang tidak penting. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4) Emosi merupakan sesuatu yang menjadikan hidup saya bermakna. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5) Saya menyedari emosi yang saya alami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6) Saya sedar kenapa emosi saya berubah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

1.Sangat Tidak Setuju 2.Tidak Setuju 3.Kurang Setuju 4.Setuju 5.Sangat Setuju

7) Saya mudah mengesan emosi yang saya alami. 1 2 3 4 5

Bahagian B(2) – MENGURUS EMOSI SENDIRI

8) Saya menyedari mesej bukan lisan yang saya hantar kepada orang lain. 1 2 3 4 5

9) Apabila cara fikiran (mood) saya berubah, saya terjumpa peluang baru. 1 2 3 4 5

10) Apabila mengalami emosi positif, saya tahu bagaimana untuk mengekalkannya. 1 2 3 4 5

11) Apabila “mood” baik, saya dapat mengatasi masalah dengan mudah. 1 2 3 4 5

12) Apabila mood baik, saya dapat menghasilkan idea baru dengan cepat. 1 2 3 4 5

13) Saya dapat mengawal emosi saya. 1 2 3 4 5

14) Saya menggunakan “mood” yang baik untuk membantu diri saya dalam menghadapi cabaran hidup. 1 2 3 4 5

15) Apabila berlaku perubahan emosi, saya cenderung mengeluarkan idea-idea baru. 1 2 3 4 5

Bahagian B(3) – MEMOTIVASIKAN EMOSI NEGATIF

16) Saya jangka akan melakukan dengan baik ke atas setiap perkara yang saya cuba. 1 2 3 4 5

17) Saya menjangkakan perkara yang baik akan berlaku. 1 2 3 4 5

18) Saya mencari aktiviti-aktiviti yang dapat mengembirakan saya. 1 2 3 4 5

19) Saya memberi motivasi kepada diri saya dengan membayangkan sesuatu yang baik akan terhasil daripada tugas yang saya lakukan. 1 2 3 4 5

20) Apabila menghadapi sesuatu masalah, saya berputus asa kerana saya percaya bahawa saya akan gagal. 1 2 3 4 5

1.Sangat Tidak Setuju 2.Tidak Setuju 3.Kurang Setuju 4.Setuju 5.Sangat Setuju

Bahagian B(4) – MENGENALI EMOSI ORANG LAIN

- | | | | | | |
|--|---|---|---|----|---|
| 21) Saya berasa sukar untuk memahami mesej bukan lisan (non-verbal) orang lain. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 22) Sekali pandang mimik muka orang, saya dapat mengecam emosi yang sedang dialaminya. | 1 | 2 | 3 | 4. | 5 |
| 23) Saya sedar akan mesej tanpa lisan yang orang lain hantar kepada saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 24) Apabila seseorang memberitahu saya tentang sesuatu peristiwa yang berlaku dalam hidupnya, saya rasakan seolah-olah diri saya pernah mengalami peristiwa itu. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 25) Saya dapat mengetahui perasaan orang lain dengan sekali pandang pada muka mereka. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 26) Saya dapat mengetahui perasaan seseorang dengan berpandukan intonasi suara orang itu. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 27) Adalah sukar bagi diri saya untuk memahami perasaan orang lain. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Bahagian B(5) – MENGENDALI PERHUBUNGAN

- | | | | | | |
|---|---|---|---|----|---|
| 28) Orang lain berasa senang untuk meluahkan perasaan mereka kepada saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 29) Saya suka berkongsi emosi dengan orang lain. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 30) Saya mengatur rancangan / aktiviti untuk orang lain menikmatinya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 31) Saya menonjolkan diri dalam gaya yang dapat menunjukkan gambaran yang baik kepada orang lain. | 1 | 2 | 3 | 4. | 5 |
| 32) Saya memuji orang lain sekiranya mereka melakukan sesuatu dengan baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 33) Saya membantu orang lain berasa lega sedikit apabila mereka tidak bersemangat. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

1.Sangat Tidak Setuju 2.Tidak Setuju 3.Kurang Setuju 4.Setuju 5.Sangat Setuju

Bahagian C- MINAT MEMBACA PELAJAR

34) Saya mudah terasa mengantuk apabila membaca buku	1	2	3	4	5
35) Saya gemar membaca majalah kerana ia menghiburkan saya	1	2	3	4	5
36) Saya tidak suka membaca akhbar kerana saya memperoleh maklumat daripada media lain	1	2	3	4	5
37) Saya rasa tidak selesa jika tidak dapat membaca akhbar hari ini	1	2	3	4	5
38) Saya tertarik untuk membaca majalah kerana gambar-gambar yang menarik dan berwarna-warni	1	2	3	4	5
39) Saya menghabiskan masa sekurang-kurangnya setengah jam sehari untuk membaca buku selain daripada buku-buku pelajaran sekolah	1	2	3	4	5
40) Saya tidak sanggup membelanjakan wang saku untuk membeli majalah	1	2	3	4	5
41) Saya sentiasa membawa buku bersama dan membaca bila ada kesempatan	1	2	3	4	5
42) Oleh sebab di rumah tiada akhbar, maka saya tidak perlu membaca	1	2	3	4	5
43) Saya suka membaca berita isu-isu semasa daripada akhbar	1	2	3	4	5
44) Bahan-bahan dalam majalah boleh membantu pelajaran di sekolah	1	2	3	4	5
45) Saya sering berkunjung ke kedai buku dan perpustakaan	1	2	3	4	5
46) Saya tidak gemar membaca buku kerana sukar memahaminya	1	2	3	4	5
47) Saya lebih suka menonton wayang daripada membaca majalah	1	2	3	4	5
48) Selepas membaca akhbar saya akan membuat keratan atau membuat catatan	1	2	3	4	5
49) Saya selalu membaca akhbar berulang kali dalam sehari	1	2	3	4	5
50) Saya perlu membaca buku cuma untuk peperiksaan	1	2	3	4	5

1.Sangat Tidak Setuju 2.Tidak Setuju 3.Kurang Setuju 4.Setuju 5.Sangat Setuju

51) Ibu bapa dan keluarga saya tidak membaca majalah jadi saya juga tidak perlu membaca	1	2	3	4	5
52) Saya sanggup membelanjakan wang saku saya untuk membeli akhbar	1	2	3	4	5
53) Dalam masa tiga bulan yang lalu saya telah membaca sekurang-kurangnya dua buah buku bukan pelajaran saya	1	2	3	4	5

SEKIAN, TERIMA KASIH.



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1 - 4, BLOK E - 8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88846591

Faks : 03-88846579

Rujuk. kami : KP(BPPDP)603/5/JLD.7 (316)

Tarikh / 6 Julai 2009

Encik Mohd Baharuddin Bin Mohamad : 811210025279
Sek. Men. Keb. St. Anthony
96100 Sarikei
Sarawak

Tuan/Puan,

Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-Bahagian di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

Hubungan Antara Kecerdasan Emosi (EQ) Dengan Minat Membaca Dalam Kalangan Pelajar

diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperoleh dari Ketua Bahagian / Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan.

3. Sila tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan akhir kajian setelah selesai kelak. Tuan/Puan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum atau seminar atau diumumkan kepada media

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. SOON SENG THAH)

Ketua Sektor,
Sektor Penyelidikan dan Penilaian
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Dasar Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia

000413088

Perpustakaan Sultanah Bahiyah
Universiti Utara Malaysia